

**TEROMBA SEBAGAI ALAT KAWALAN SOSIAL**

**NOOR HAYANI BINTI ZULKIFLI**

**PROJEK PENYELIDIKAN INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI SARJANA  
MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

---

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

---

**2011**



**PENAKUAN**

**Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.**

**Tarikh**

**Noor Hayani Binti Zulkifli**

**18 JANUARI 2012**

**C08A092**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.

Segala puji-pujian bagi Allah S.W T, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. para isteri-isteri, sekalian ahli keluarga Baginda dan para sahabat. Dengan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan kajian ini yang bertajuk '*Teromba Sebagai Alat Kawalan Sosial*'.

Dikesempatan ini ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Syed Abdullah Bin Syed Sulaiman yang sudi menjadi penyelia atau penasihat projek penyelidikan ini dan segala nasihat serta bimbingan yang diberikan amat saya hargai. Selain itu, terima kasih juga kepada sahabat-sahabat saya yang turut membantu dalam memberi idea dan pandangan yang sedikit sebanyak melancarkan proses saya menyiapkan kajian ini.

Sehubungan dengan itu, ribuan terima kasih saya kepada keluarga yang sedia membantu dari segi kewangan dan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada saya yang turut menyumbang dalam saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat samada secara langsung dan tidak langsung sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTRAK

Teromba merupakan perbilangan adat yang lahir daripada amalan masyarakat Melayu dahulu terutama dalam Adat Perpatih. Teromba meluas digunakan dalam Adat Perpatih kerana teromba dapat menyelamatkan manusia dan dapat membawa kepada suasana hidup yang harmonis. Jika di lihat dari segi ungkapan dan maksud, teromba banyak mengajar dan mendidik masyarakatnya dalam pelbagai aspek kehidupan.

Kajian ini cuba melihat teromba sebagai alat kawalan sosial dalam masyarakat Melayu. Kawalan tersebut dikaji dalam aspek adat, undang-undang, masyarakat dan ekonomi. Selain itu juga, kajian ini juga menekankan pengertian teromba, peranan teromba dan mesej disebalik teromba tersebut sebagai alat kawalan sosial.

## ABSTRACT

Teromba is custom practiced by the Minagkabau people from the first practice Malay society, especially in the Response. Teromba widely used in the Response as teromba can save people and can lead to a harmonious living environment. If the view in terms of expression and meaning, teromba much to teach and educate the community in various aspects of life.

This study attempts to see teromba as a tool of social control in Malay society. The controls are reviewed in terms of customs, law, society and economy. In addition, this study also highlighted definition of teromba, the role of teromba and message behind it as a tool of social control.

**KANDUNGAN**

---

<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>BAB 1</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Latar belakang kajian	4-5
1.3 Penyataan masalah	6
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Persoalan kajian	7
1.6 Kepentingan kajian	8
1.7 Skop kajian	9
1.8 Kaedah kajian	9
1.9 Definisi konsep	9-12
1.10 Teori dan kerangka kajian	12-14
1.11 Kesimpulan	15-16

**BAB 2****TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	17
2.2 Beberapa Pandangan dan Kajian Daripada Tokoh Tempatan	18-40
2.3 Kesimpulan	41-42

**BAB 3****METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	43
3.2 Reka bentuk kajian	44-45
3.3 Kaedah kajian	46-47
3.4 Prosedur kajian	48-51
3.5 Kesimpulan	52-53

**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	54
4.2 Teromba	55-57
4.3 Teromba Sebagai Alat Kawalan Sosial	58
4.3.1 Adat	58-61
4.3.2 Undang-undang	61-64
4.3.3 Masyarakat	64-68
4.3.4 Ekonomi	68-70
4.4 Kesimpulan	71

**BAB 5****PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	72
5.2 Perbincangan	73
5.3 Cadangan	74-75
5.4 Kesimpulan	76

**BIBLIOGRAFI****77-78****LAMPIRAN****79-83**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Menurut Ab Rahman Ab Rashid, Mohd. Rosli Saludin, Zakaria Pergins ,2003:15 kesusasteraan ialah sebarang bentuk ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa yang indah, baik, berguna dan memberi faedah atau manfaat kepada pembaca. Manakala kesusasteraan melayu pula ialah hasil Kesusasteraan yang ditulis dalam bahasa Melayu dan kandungannya mencerminkan persoalan tentang masyarakat Melayu itu sendiri.

Kesusasteraan Melayu Tradisional dapat dibahagikan kepada dua bahagian umum iaitu sastera rakyat dan sastera istana. Sastera rakyat merupakan hasil sastera yang pada keseluruhannya wujud dalam bentuk lisan dan telah diperturunkan kepada generasi ke generasi melalui pertuturan. Dalam sastera rakyat dapat dipecahkan kepada dua iaitu bentuk cerita dan bukan cerita. Bentuk cerita adalah seperti penglipurlara, cerita jenaka, cerita mitos dan lagenda cerita dongeng dan cerita hantu. Sastera rakyat yang berbentuk bukan cerita pula kebanyakannya dalam bentuk puisi seperti jampi mentera, teromba, pantun, gurindam, seloka, ikatan adat-istiadat, teka-teki dan lain-lain lagi. (Mohd Rosli Saludin,2009: 8-9).

Menurut Dr.Adli Hj. Yacob dan Khuzaihan Zakaria, 2008:625 puisi merupakan satu penulisan berangkap dalam bahasa yang berirama dan indah didengar seperti sajak, syair, pantun dan lain-lain. Manakala Mohd Rosli Saludin,2009:3 menyatakan puisi melayu tradisional merupakan ciptaan yang bersifat seni. Sebagai ciptaan seni yang menakjubkan, maka Puisi Melayu Tradisional mengandungi unsur-unsur emosi, imaginasi, dan budi.

Sesetengah golongan terutama Orientalis Barat menganggap Puisi Melayu Tradisional sebagai sesuatu yang statik, lapuk, dan ketinggalan zaman. Walau bagaimanapun puisi Melayu tradisional merupakan warisan budaya kita yang lahir daripada daya kreativiti dan pemikiran orang tua-tua dahulu yang amat berharga kerana pengisian puisi itu sendiri (Dharmawijaya, 1994:18).

Teromba juga dikenal sebagai perbilangn adat iaitu ikatan puisi bebas yang menyatakan adat lembaga atau asal-usul adat lembaga itu dalam kalangan mereka yang mengamalkan Adat Perpatih. Ia merupakan bentuk puisi bebas. Panjang baris, bunyi sajak tidaklah menjadi suatu syarat mutlak, demikian juga mengenai jumlah barisnya tidak tetap (Safian Hussain, 1988: 334-335 ).

Manakala teromba menurut Teuku Iskandar, 1994:1435 ialah sejarah yang di ceritakan dalam bentuk perbilangn, tambo atau riwayat. Secara umumnya teromba adalah puisi Melayu asli yang lahir daripada adat dan masyarakat tempatan yang mengamalkan Adat Perpatih (Mohd Rosli Saludin, 2009:38).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Teromba pada permulaanya adalah sesuatu pernyataan daripada kesedaran masyarakat pengamalnya dan ia menjadi suatu kuasa yang membantu menjalinkan masyarakat supaya hidup lebih rapat. Sebagai suatu alat kebudayaan, ia merapatkan lagi anggota-anggota masyarakat sehingga mereka berasa lebih hampir antara satu dengan yang lain dalam kebiasaan hidup, cara berfikir dan merasa. Rangkap-rangkap teromba yang diulang-ulang itu mengingatkan orang bahawa mereka diikat oleh pertalian darah dan latar belakang hidup yang sama (Mohd Rosli Saludin,2009:60).

Teromba berbentuk rangkap-rangkap puisi yang terdiri daripada dua atau lebih puluhan baris bergantung kepada topik yang dibicarakan serta fungsi dan makna disebaliknya. Setiap rangkap mempunyai pengertian dan mesej yang berlainan. Bagi teromba yang terdiri daripada dua baris serangkap seakan-akan biadalan dan pepatah (Za'ba,1965:167).

Sesebuah puisi mempunyai bentuknya tersendiri dengan corak, bahagian, hubungan antara bahagian, siratan nama dan seterusnya sesuatu unit makna yang mengesan pembacanya. Teromba mempunyai bentuk dan persamaan dengan puisi bebas yang lain khususnya talibun dan mentera (Mohd Rosli Saludin, 2009:45).

Dalam mendekati kepelbagain bentuk teromba, secara analisis dapatlah digunakan dua ukuran iaitu berdasarkan jumlah barisnya dalam serangkap atau seuntai dan berdasarkan persamaan dan pembinaanya bersama dengan bentuk-bentuk daripada genre yang lain. (Harun Mat Piah, 1989 : 433).

Teromba juga berperanan dalam kehidupan masyarakat terutama dalam upacara adat isitiadat seperti jamuan, kenduri, majlis perlantikan ketua dan pemimpin adat, peringkat-peringkat pelaksanaan dalam perkahwinan dan sebagainya. Dalam kegiatan-kegiatan seperti fungsi teromba boleh dilihat daripada sudut pentadbiran, peminangan, perkahwinan, kawalan masyarakat, penyimpanan khazanah, tanah adat, berkhadim, dan pengaruhnya terhadap puisi. (Mohd Rosli Saludin,2009: 212-213).

### 1.3 Penyataan Masalah

Terdapat beberapa tokoh yang menyatakan tentang Teromba bahawa Teromba mempunyai peranan yang tersendiri dalam puisi Melayu antaranya ialah Mohd Rosli Saludin, 2009:279-278. Teromba mempunyai peranan yang tersendiri dalam puisi moden dimana Teromba menonjol di dalam mengenengahkan ciri-ciri keindahan bahasa dan Teromba juga memesatkan lagi bahasa dan sastera yang beridentitikan bangsa Melayu sendiri.

Manakala menurut Abdullah Siddik, 1975:113 pula bahawa teromba sebagaimana dengan adat-adat lain lazimnya tidak bertulis. Ia bersifat lisan, ia diperturunkan daripada generasi ke generasi. Jadi, teromba menjadi daya ingatan yang memainkan peranan penting. Oleh itu pengkaji akan melihat apakah peranan yang terdapat didalam teromba seperti yang dinyatakan oleh tokoh-tokoh tersebut.

Selain itu, menurut Mohd Rosli Saludin, 2009:299 Adat Perpatih adalah satu peraturan hidup yang merupakan satu kawalan sosial dan juga merupakan satu sistem kekeluargaan yang amat liberal dan menyeluruh. Berdasarkan pernyataan tersebut, teromba juga sebagai satu alat kawalan sosial kerana teromba adalah rang undang-undang dalam sistem adat perpatih seperti yang dinyatakan oleh Mohd Rosli Saludin dalam bukunya. Oleh itu, pengkaji juga akan melihat alat kawalan sosial yang terdapat dalam teromba.

## **1.4 Objektif Kajian**

- 1.4.1 Melihat akan peranan Teromba dalam puisi Melayu
- 1.4.2 Bentuk dan jenis peranan
- 1.4.3 Teroma sebagai alat kawalan sosial

## **1.5 Persoalan Kajian**

Antara persoalan kajian ini ialah

- 1.5.1 Benarkah karya sastera mempunyai peranannya?
- 1.5.2 Apakah bentuk-bentuk kawalan sosial tersebut?
- 1.5.3 Apakah mesej di sebalik kawalan sosial itu?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian adalah untuk melihat dari sudut kepentingan Teromba sebagai alat kawalan sosial kepada individu, masyarakat, institusi, Negara dan keusahawanan.

Kepentingan kepada individu adalah untuk mengenali Puisi Teromba yang terdapat dalam budaya masyarakat Melayu terutama Masyarakat Melayu Minangkabau Negeri Sembilan, Malaysia.

Manakala untuk masyarakat pula adalah untuk melahirkan rasa sayang kepada khazanah warisan bangsa kerana pengguna Teromba dalam masyarakat Melayu sekarang telah berkurangan berbanding pada zaman dahulu.

Seterusnya Teromba juga memberi kepentingan kepada institusi sebagai bahan rujukan tambahan dan kepentingan kepada Negara sebagai bahan tambahan kepada kumpulan atau himpunan khazanah intelektual bangsa.

Selain itu Teromba memberi kepentingan kepada bidang kesahawanan di mana penghasilan lagu-lagu yang diisi lirik Puisi Teromba dan penulisan Teromba yang dibukukan di jual dan dijadikan rujukan masyarakat.



## 1.7 Skop Kajian

Skop kajian pengkaji adalah di dalam bidang kesusasteraan Melayu dan bidang tersebut di bataskan kepada kajian puisi teromba yang terpilih sahaja serta kajian teks teromba sahaja. Mana-mana bidang kesusasteraan Melayu yang lain tidak termasuk dalam kajian ini.

## 1.8 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang di gunakan oleh pengkaji ialah kajian perpustakaan.

## 1.9 Definisi Konsep

### Teromba sebagai Alat Kawalan Sosial

**Teromba** dapat diertikan atau didefinisikan kepada dua konteks utama iaitu konteks istilah dan bahasa. Berdasarkan pengertian tersebut maksud teromba dapat diuraikan dengan jelas dan difahami setiap pengisian sesebuah teromba. Pengertian teromba dari segi bahasa menurut Teuku Iskandar, 1994:1435 ialah sejarah yang di ceritakan dalam bentuk perbilangan, tambo atau riwayat.

Manakala dalam konteks istilah, teromba menurut Mohd Rosli Salahudin, 2009:35 adalah teks yang menyatakan salasilah dan kandungan undang-undang adat yang dikenali sebagai Adat Perpatih, khususnya yang di ikuti dan di amalkan di Minangkabau, Sumatera dan Negeri Sembilan, Malaysia.

Za'aba (1965:171) menyatakan bahawa teromba seakan-akan bidalan dan pepatah juga, hanya bezanya ia berperenggan dua tiga atau lebih, disebut lepas satu, satu seperti orang berbilang dan isi kebanyakannya sudah jadi seperti undang-undang yang tetap.

Menurut Dharmawijaya,1994:18 sesetengah golongan terutama Orientalis Barat menganggap Puisi Melayu Tradisional sebagai sesuatu yang statik, lapuk, dan ketinggalan zaman.

Harun Mat Piah,1989:424 pula menjelaskan lagi bahawa Teromba yang mengandungi konotasi adat digunakan sebagai panduan dan amalan, terutamanya Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang sehingga kini masih digunakan di Minangkabau dan beberapa daerah di Negeri Sembilan dan Melaka.

Menurut Mohd Taib Osman, 1975:136 Teromba ialah pengucapan adat yang menerangkan perbilangn Adat Perpatih dan menerangkan perbilangn adat dasar.

Daripada pengertian-pengertian diatas, teromba adalah sebuah puisi melayu tradisional yang mengandungi tentang adat-adat masyarakat Melayu yang diamalkan oleh masyarakat melayu Mingangkabau Negeri Sembilan. Selain itu, teromba juga adalah puisi Melayu lama yang menjadi lambang adat budaya dalam masyarakat Melayu dahulu. Teromba digunakan dalam upacara-upacara rasmi seperti majlis kerabat diraja, majlis peminangan, perkahwinan dan teromba juga digunakan dalam sistem pentadbiran sebagai undang-undang yang telah ditetapkan oleh masyarakat Melayu dahulu.

Pengertian *Alat* dari segi bahasa menurut Teuku Iskandar, 1994:27 ialah barang apa yang diperlukan atau digunakan untuk membuat (mengerjakan, menghasilkan). Dr. Adli Hj. Yacob dan Khuzaihan Zakaria, 2008:26 pula menyatakan bahawa alat ialah apa-apa benda, barang yang diperlukan dan digunakan apabila melakukan sesuatu pekerjaan.

*Kawalan* segi bahasa ialah diawasi atau mengawal (Dr. Adli Hj. Yacob dan Khuzaihan Zakaria, 2008:358). Menurut Teuku Iskandar, 1994:589 pula kawalan bermaksud yang dikawal atau usaha atau tindakan mengawal.

Menurut Teuku Iskandar, 1994:1301 definisi **sosial** ialah segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal bermasyarakat dan kemasyarakatan. Kedua ialah berkait dengan persahabatan, pergaulan dan aktiviti masa lapang. Manakala Definisi konsep sosial dari segi bahasa menurut Dr. Adli Hj. Yacob dan Khuzaihan Zakaria, 2008:748 ialah segala hal yang bersangkutan paut dengan masyarakat atau kemasyarakatan.

*Kawalan sosial* bermaksud satu undang-undang atau peraturan yang menyarankan masyarakat bertingkah laku baik dan sesuai dengan keadaan persekitaran. Didalam puisi teromba terdapat unsur-unsur yang peraturan yang menjadikan pegangan oleh masyarakat Melayu. Secara tidak langsung, kandungan isi dalam puisi teromba yang digunakan oleh masyarakat Melayu tersebut mempunyai alat kawalan sosial.

Kawalan sosial dianggap sebagai pemangkin utama dari sudut penjagaan keamanan, keselamatan, keselesaan dan sebarang bentuk ancaman kepada masyarakat. Oleh itu, kekukuhan ekonomi, kestabilan politik, keseimbangan sosiobudaya, perpaduan kaum dan integrasi nasional mudah dicapai.

### **1.11 Teori dan Kerangka Kajian**

Teori yang digunakan ialah teori sosiologi yang menyatakan diri seseorang penyair itu dapat dilihat melalui karyanya dimana pendekatan ini membicarakan tentang latar belakang penulis. Terdapat lima pendekatan teori sosiologi yang di terangkan oleh Mana Sakina,1986: 108-117.

Pendekatan sosiologi yang pertama menekankan aspek ajaran-ajaran sosial, iaitu karya tersebut mengajar bagaimana hendak menjadi seorang rakyat yang berguna, manusia yang sensitif terhadap tugas kemasyarakatan, bertanggungjawab dan sedia berjuang demi kepentingan rakyat bawahan.

Pendekatan kedua ialah sekiranya sesebuah karya itu terlalu banyak mengandungi unsur-unsur pengajaran moral, ditaktik dan berbagai-bagai arahan ditujukan kepada masyarakat, ia akan menjadi sesebuah karya yang bersifat dogmatik.

Pendekatan ketiga ialah kesusasteraan dapat diangkat sebagai karya yang penuh dengan idea, pemikiran, falsafah dan ideologi. Ungkapan-ungkapan yang bernas dan tajam maknanya, pernah dijadikan teknik atau gaya seseorang menurut kemahuan dan pendidikannya.


Pendekatan keempat ialah penilaian kritikan sosiologi ialah melalui tatatusila, etika, budaya dan falsafah masyarakat yang terdapat dalam sesebuah karya.

Pendekatan kelima ialah, corak karya penulis di atas, iaitu yang bersifat propaganda, dogmatik, protes sosial dan doktriner sangat diperhatikan oleh para pengamal fahaman sosiologikal ini.

Berdasarkan lima pendekatan sosiologi diatas, pengkaji melihat pendekatan teori sosiologi yang pertama amat berkait rapat dengan kawalan sosial dalam puisi teromba. Hal ini kerana teori tersebut menerangkan bahawa setiap sesebuah karya yang dihasilkan adalah bertujuan untuk mengajar masyarakat terhadap tugas kemasyarakatan dan tanggungjawabnya serta kepentingan tanggungjawabnya kepada setiap lapisan masyarakat.

Dalam puisi teromba terdapat unsur-unsur kawalan sosial yang berperanan untuk mengajar dan mendidik masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian. Antara unsur-unsur kawalan sosial tersebut ialah didalam adat, undang-undang, budi ,masyarakat, kepimpinan dan kekeluargaan.

### KERANGKA KAJIAN



## 1.12 Kesimpulan

Berdasarkan topik-topik yang telah dijelaskan oleh pengkaji sebelum ini, dapat didefinisikan bahawa teromba merupakan sebuah puisi Melayu tradisional dalam masyarakat Melayu yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Minangkabau, Negeri Sembilan, Malaysia. Dalam puisi teromba terdapat susunan adat yang menjadi amalan masyarakat Melayu dahulu seperti dalam majlis-majlis formal contohnya majlis kerabat diraja, majlis perkahwinan dan teromba juga digunakan dalam undang-undang pemerintahan masyarakat Melayu terutama masyarakat yang mengamalkan adat perpatih.

Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk melihat aspek bentuk, jenis peranan alat kawalan sosial dalam teromba yang terpilih. Objektif ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan masalah kajian bahawa menurut Mohd Rosli Saludin 2009:279-278 teromba mempunyai peranan yang tersendiri dalam puisi moden dimana Teromba menonjol di dalam mengenengahkan ciri-ciri keindahan bahasa dan Teromba juga memesatkan lagi bahasa dan sastera yang beridentitikan bangsa Melayu sendiri.

Kaedah kajian yang digunakan adalah melalui kajian teks diskopkan kepada bidang kesusasteraan dan terbatas kepada puisi tradisional Melayu iaitu teromba. Teori yang digunakan adalah teori sosiologi melalui pendekatan sosiologi yang menekankan aspek ajaran-ajaran sosial, iaitu karya tersebut mengajar bagaimana hendak menjadi seorang rakyat yang berguna, manusia yang sensitif terhadap tugas kemasyarakatan, bertanggungjawab dan sedia berjuang demi kepentingan rakyat

bawahan. Penggunaan teori ini juga bertujuan untuk mengukuhkan aspek kajian pengkaji tentang puisi teromba.

Kajian ini juga penting kepada individu, masyarakat, institusi, Negara dan juga dalam bidang keusahawanan. Kepentingan ini bertujuan untuk memberi pendedahan baru tentang nilai, mesej dan peranan teromba dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberi rujukan kepada semua lapisan masyarakat serta organisasi tentang pengisisan teromba yang mempunyai banyak kebaikan kepada masyarakat dan Negara.

Kesimpulannya puisi teromba merupakan satu khazanah warisan budaya masyarakat Melayu dahulu dan ianya haruslah dijaga dan dipelihara mutu keasliannya kerana ia menjadi lambang kepada jati diri dan bangsa masyarakat Melayu dahulu dan sekarang. Di samping itu, teromba juga mempunyai fungsi dan makna serta falsafah yang tersendiri walaupun jika dilihat dari fizikalnya ia hanyalah satu susunan ayat atau rangka yang diucapkan dan dicatatkan di atas sehelai kertas. Tetapi hakikatnya teromba mampu menjadi rujukan, teladan dan ukuran tentang perilaku manusia didalam sistem sosial masyarakat Melayu dahulu.



## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Terdapat banyak kajian yang dijalankan oleh para sarjana sama ada tentang kesusasteraan atau puisi Melayu yang berkaitan dengan teromba. Antara tokoh tempatan terkenal yang menjalankan kajian tentang puisi teromba ialah Mohd Rosli Salaludin. Terdapat empat buah buku yang ditulis oleh beliau yang membincangkan teromba sama ada sejarah, penggunaan, peranan dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga tokoh-tokoh lain yang membincangkan tentang puisi teromba seperti Harun Mat Piah, Aripin Said, Za' ba dan lain-lain.

## 2.2 Beberapa Pandangan dan Kajian Daripada Tokoh Tempatan

Menurut Mohd Rosli Saludin, 2009:1-330, dalam bukunya iaitu *Teromba dalam Puisi Melayu Tradisional* yang mengandungi 6 bab atau sub-sub tajuk kecil, dimana dalam setiap bab-bab tersebut terdapat pelbagai aspek yang dibincangkan tentang puisi teromba. Antaranya ialah membincangkan teromba dalam puisi Melayu tradisional dari segi kelahiran puisi Melayu tradisional, bentuk puisi Melayu tradisional, asal-usul teromba, teromba sebagai puisi Melayu tradisional. Kedua ialah membincangkan tentang teromba dari segi analisis bentuk dan struktur, persamaan dan perbezaan dengan puisi Melayu serta ciri-ciri puisi teromba. Ketiga ialah membincangkan tentang kajian tema dan nilai dari segi adat, budi, kaum perempuan, individu, bermasyarakat, ekonomi, undang-undang, falsafah, kepimpinan dan kekeluargaan.

Keempat ialah membincangkan tentang kajian estetika dari segi estetika daripada pandangan masyarakat Melayu iaitu gaya bahasa yang terdapat dalam puisi teromba. Kelima ialah membincangkan tentang fungsi teromba iaitu penggunaan teromba dalam kehidupan manusia samada dalam pentadbiran, peminangan, perkahwinan, kawalan masyarakat, penyimpan khazanah, tanah adat dan berkadim serta peranan teromba dalam puisi melayu moden. Akhir sekali membincangkan tentang rumusan keseluruhan bab berdasarkan penilaian, kepentingan, masalah, penyelesaian dan saranan yang bersesuaian dengan masalah yang timbul daripada perbincangan yang telah diterangkan.

Berdasarkan sorotan yang telah dibuat, pengkaji menekankan bab 5 dalam buku ini kerana dalam bab tersebut, terdapat penerangan bagaimana teromba berfungsi dalam kehidupan masyarakat Melayu lama. Dalam teromba ada menyatakan bahawa peraturan yang dibuat oleh adat tidak akan menyusahkan sesiapaupun. Malah hukum adat adalah untuk memperlihatkan ketinggian nilai yang terdapat pada anggota masyarakat. Teromba dapat dikatakan sebagai satu bentuk puisi tradisi yang intim dengan kehidupan masyarakat Melayu lama. Pendapat ini sama dengan pandangan yang diberikan oleh (Aripin Said,1994:151-152) yang mengatakan Teromba digunakan oleh kelompok masyarakat yang mengamalkan tatacara Adat Perpatih.

Dalam masyarakat Adat Perpatih konsep kesatuan juga sangat diutamakan. Seseorang manusia itu dianggap sama ada rendah atau tinggi kedudukannya. Masing-masing hidup dengan fungsi dan peranan sendiri untuk menyumbang kewujudan masyarakat itu. Kesatuan ahlinya sangat dititik beratkan. Setiap ahli masyarakat sentiasa mengamalkan hidup bermasyarakat. Dengan kata lain, sistem adat mahukan anggota masyarakatnya terlibat bersama tetapi jika ada masalah timbul atau perselisihan faham sebelum menjalankan apa-apa juga aktiviti terlebih dahulu dicari jalan penyelesaiannya.

Pada dasarnya teromba mengandungi nilai dan pegangan hidup yang dipraktikkan dalam semua aspek kehidupan masyarakat. Teromba juga bertujuan menggariskan norma-norma adat yang mesti diterima dan diamalkan oleh anggota-anggota masyarakat. Teromba berperanan dalam kehidupan masyarakat terutama

dalam upacara adat istiadat seperti jamuan, kenduri, majlis perlantikan ketua dan pemimpin adat, peringkat-peringkat pelaksanaan dalam perkahwinan dan sebagainya.

Dalam kegiatan-kegiatan seperti itu, fungsi teromba boleh dilihat daripada sudut pentadbiran, peminangan, perkahwinan, kawalan masyarakat, penyimpanan khazanah, tanah adat, berkhadim, dan pengaruhnya terhadap puisi moden. Teromba tidak terdapat dalam tarian dan nyanyian. Perananya hanya terdapat dalam pameran randai. Negeri Sembilan mempunyai kesenian tradisinya iaitu bongai. Akan tetapi pengaruh teromba tiada di dalamnya.

Sebagai contoh dalam bidang pentadbiran peranan teromba jelas terbukti ketika majlis perlantikan ketua dan pemimpin adat. Teromba dibaca dalam majlis ini. Buapak, Basar Waris, dan Datuk Lembaga adalah penting daripada segi pentadbiran. Perkara yang penting dalam memilih salah seorang daripada tiga pembesar ini ialah kerana kematian atau dipecat. Pada hari penabalan itu akan terserlahlah fungsi teromba yang begitu indah, puitis, dan bermakna. Contohnya:

*Kata bercari pada nan delapan*

*Lompat bersetumpu*

*Cincang berlandas*

*Putus kata pada nan empat*

*Sah batal pada penghulu*

*Di dulang sedulang lagi*

*Dulang emas letak berlengkar*

*Diulang khabar sekali lagi*

*Penjemput khabar yang tinggal*

*(Khalid Bonget, Batu Kikin, Negeri Sembilan, 3 Julai 1997)*

Teromba diatas jelas menunjukan siapa yang berperanan melantik Lembaga. Tugas lembaga depan ialah mencari ‘mata benih’, setelah buapak-buapak berkebulatan dalam suku berkenaan menerima calon-calon. Senarai calon-calon tersebut akan di sampaikan kepada lembaga yang empat iaitu Datuk-Datuk Tiga Belas oleh Tua Lembaga Delapan iaitu Datuk Peda Maharaja. Berlakulah kerapatan dan calon-calon ditapis. Seterusnya keputusan diserahkan kepada Datuk Penghulu Luak dan ditangannya kata putus.

Rumusannya, tiap-tiap hasil sastera mencerminkan keadaan masyarakatnya pada waktu itu, khususnya susunan masyarakat bangsa itu sendiri daripada segi lahir dan batinya. Tinggi atau rendahnya tamadun sesuatu bangsa dapat dikaji daripada hasil-hasil sastera bangsa itu pada sesuatu masa yang tertentu dan dibandingkan hasil penyelidikan itu dengan hasil-hasil sastera bangsa-bangsa asing pada masa yang sama jua.

Menurut Aripin Said ,1996:145-154, dalam bukunya iaitu *Puisi Warisan* banyak menceritakan tentang pelbagai puisi Melayu Tradisional dari segi definisi, jenis-jenis dan maksud disebalik puisi tersebut. Antara puisi-puisi Melayu yang diterangkan ialah Pantun dan bentuk pantun: rangkap atau bait, syair, gurindam, seloka, jampi, serapah dan mentera, bahasa berirama, nyanyian rakyat, puisi-puisi klasik pengaruh arab-parsi, dan puisi klasik dalam sejarah Melayu.

Selain itu, buku tersebut juga membincangkan tentang perbilangan adat atau teromba yang menjadi fokus utama kepada pengkaji. Menurut beliau perbilangan adat atau disebut juga sebagai gundalan adat merupakan ikatan puisi yang menyatakan adat lembaga atau asal-usul adat lembaga khususnya terdapat di kalangan mereka yang memakai Adat Perpatih dalam masyarakatnya. Dalam perbilangan adat bukan sekadar menerangkan susun lapis dalam masyarakatnya baik dari aspek pemerintahan mahupun keluarga tetapi juga menggambarkan tentang sosialisasi masyarakat yang mementingkan nilai moral yang tinggi dan perpaduan yang erat.

Perbilangan Adat itu disebutkan sebagai “Perbilangan” kerana cara menyebutkan puisi itu seolah-olah seperti membilang. Manakala “gundalan” pula ialah sesuatu yang menandai bilangan. Cuba teliti perbilangan Adat Perpatih yang diberikan ini dimana pengucapannya seperti dibilang-bilang:

*Kelebihan Nabi dengan umat,  
Kelebihan umat dengan muafakat,  
Bulat air kerana pembentuk,  
Air melurut dengan bendarnya,  
Benar melurut dengan muafakannya.*

Selain itu, dalam perbilangan terdapat gambaran yang menunjukkan semua anggota masyarakat itu mempunyai tugas atau fungsinya dalam kehidupan tanpa mengira statusnya. Hal ini dapat dilihat pada contoh yang berikut:

*Jika menerima orang semenda:  
 Kalau cerdik hendaklah rundingan,  
 Kalau bingung disuruh arah,  
 Menjemput yang jauh menghimpunkan yang dekat,  
 Kalau tegap buat penumpang,  
 Kalau malin ('alim) hendaklah ayam,  
 Kalau buta penghembus lesung,  
 Kalau pekak pembakar bedil.*

Perbilangan adat itu menjelaskan tentang tugas yang diberikan kepada seseorang mengikut kemampuannya. Setiap orang itu ada peranannya. Yang cerdik tentu sahaja diharapkan buah fikirannya. Yang pekak pula tugas yang sesuai dengan keadaan fizikalnya seperti membakar bedil. Jadi, dalam sistem adat perpatih tidak ada insan tidak berguna sama sekali.

Sementara tatacara pemerintahan pula dapat dilihat daripada perbilangan adat seperti:

*Pusaka yang turun dari Pagar Ruyung,  
 Turun ke Periang Padang Panjang,  
 Menghilir sungai tiga laras,  
 Sepermata Kuantan, kedua Kampar, ketiga Batang Ari,  
 Rantau berturut dengan undang,  
 Negeri Bertempat dengan pusakan,  
 Kampong berbunyi berketak tangga,  
 Raja bertitah di istananya,  
 Penghulu mengundang di balainya,  
 Lembaga berkata di telaganya.*

Perbilangan di atas memaklumkan tentang asal usul dan kawasan negeri adat diistiadakan, dengan menyebutkan tentang pemerintah susun lapis atau tatatingkat kuasa, dan lokasi sekali. Cara yang demikian memungkinkan segala kelemahan dapat dikesan dan diperbaiki bersama. Jika berlaku pertindihan yang tidak menentu dan boleh mencacatkan pentadbiran, yang akan mendatangkan masalah dan segala peraturan akan dapat ditangani.

Sebagai kesimpulanya, perbilangan adat dapat dikatakan sebagai bentuk puisi Klasik yang juga intim dengan kehidupan masyarakat Melayu lama. Hingga kini pun dia masih digunakan oleh kelompok masyarakat yang mengamalkan tatacara Adat Perpatih.



Menurut Dharmawijaya, 1998:3-262, dalam bukunya yang bertajuk *Dunia Puisi: Dalam Penelitian dan Pengajaran* yang membincangkan tentang puisi Melayu lama dan moden dalam 2 bahagian. Dalam bahagian 1 beliau membincangkan tentang dunia puisi dalam penelitian dimana terdapat 21 tajuk kecil yang dijelaskan secara khusus, antaranya ialah pengenalan tentang puisi, puisi lama: satu pengenalan bentuk dan jenis, latar ringkas perkembangan puisi Melayu Moden, puisi dan aliran kesusasteraan, penyimpangan sebagai gaya dalam puisi, estetika dalam bahasa puisi Melayu Moden, peranan puisi dalam cerita penglipur lara: tumpuan kepada *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, peranan puisi dalam *Utusan Zaman*: satu penelitian hingga tahun 1950-an, puisi dalam *Mastika*: kedudukan dan peranannya sebelum merdeka, ASAS 50 dalam puisi, pemimpin Nasionalis dalam puisi tahun 1950-an, puisi Kebangsaan: satu tanggapan sumbangan penyair Sarawak, puisi petani dalam puisi, dunia Wanita dalam Puisi, puisi dan tragik kehidupan, kehidupan dan perkembangan teknologi dalam puisi, Johor dalam suara rasa penyair Zam Ismail, Antologi puisi Rontgen dan kepenyairan Suhaimi Haji Muhammad, suara rasa kemanusiaan dalam puisi Lim Swee Tin, dan peranan puisi dalam teater.

Manakala dalam bahagian 2 pula beliau membincangkan tentang dunia puisi dalam pengajaran yang mengandungi 4 tajuk kecil antara tajuk tersebut ialah puisi Melayu Moden sebagai bahan pendidikan atau pengajaran kesusasteraan, pemahaman dan penikmatan puisi: satu tinjauan kaedah pengajaran dan pembelajaran, penggunaan bahan puisi dalam pengajaran bahasa, dan pengajaran puisi: pemupukan nilai-nilai kewarganegaraan.

Berdasarkan sub-sub tajuk dalam buku Dharmawijaya ini, pengkaji hanya membuat sorotan kajian pada sub tajuk bahagian 1 iaitu puisi lama: satu pengenalan bentuk dan jenis. Puisi lama atau puisi tradisional sebagai atau gambaran masyarakat lama akan dapat dikesani pelbagai pernyataannya dalam pantun, syair, gurindam, dan seloka. Selain ciri-ciri bentuknya yang terikat sebagai pernyataan adat kebiasaan, peraturan atau undang-undang yang diterima serta dipatuhi bersama, turut juga dapat dikesani corak pemikiran, sikap dan pandangan hidup masyarakatnya.

Pantun dari segi bentuknya yang sederhana dan mudah dikenal susunanya, terdapat beberapa jenis yang penting. Jenis-jenisnya ialah pantun dua kerat, pantun empat kerat, pantun enam kerat, pantun lapan kerat, dan pantun sepuluh kerat. Pantun yang lebih daripada empat kerat disebut juga talibun. Selain lima jenis bentuk ini, terdapat sejenis bentuk lagi yang dinamakan pantun berkait.

Walaupun begitu, setiap jenis bentuk tersebut mempunyai tiga ciri utama yang sama, pertama, dalam serangkap terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian pembayang dan bahagian maksud. Kedua, jumlah perkataan setiap baris adalah seimbang yang lazimnya empat perkataan atau lima perkataan; dengan demikian jumlah suku kata barisnya antara lapan hingga 12 suku kata dan berlaku jeda atau perhentian di tengah-tengah baris. Ketiga, kedudukan rima akhirnya sama ada terikat atau bebas. Contoh pantun empat kerat:

*Tumbuh lengkuas di tepi bendang,  
Berdaun lebat pohon dedalu,  
Disangka puas mata memandang,  
Rupanya dapat selenggang lalu.*

*(Bunga Gerimis, 1986:4)*

Manakala syair berasal daripada bahasa Arab *syi'ir* yang bermaksud 'perasaan yang menyedari'. Oleh itu, syair memberi penekanan kepada kesan perasaan dan nasihat. Dari segi bentuknya pula, di samping mempunyai beberapa persamaan dengan pantun terdapat juga beberapa perbezaan yang jelas. Antara perbezaanya, syair tiada pembayang, dengan itu setiap barisnya mengandungi maksud atau isi. Rima akhirnya adalah sama atau terikat iaitu dalam sususna a a a a. Contohnya, rangkap terakhir daripada syair 'pesanan kepada Siti Zawiyah':

*Janganlah takut membuang harta,  
Asalkan dapat ilmu yang nyata,  
Kepada yang tahu anakku pinta,  
Supaya jangan mendapat lata.*

*(Gurindam Alam 1994:41)*

Seterusnya gurindam tidak seperti pantun dan syair yang tertentu bentuknya. Bentuk gurindam seperti yang ditegaskan oleh Harun Mat Piah dalam bukunya, *Puisi Melayu Tradisional: Satu Perbincangan Genre Dan Fungsi* (1989:321), ada yang terikat dan tidak terikat atau bebas. Gurindam berbentuk terikat terdiri daripada dua baris dan berima: a a. Kedudukan atau peranan baris 1 sebagai syarat dan baris 2 sebagai jawab. Contohnya, petikan bait pertama Fasal Ketujuh daripada Gurindam Dua Belas karya Raja Ali Haji:

*Apabila mendengar akan khabar,  
Menerima itu hendaklah besar.*

Bentuk gurindam yang tidak terikat atau bebas, tidak menggunakan pembahagian rangkap atau bait; jika ada pembahagiannya, tidak tentu pula jumlah baris dalam serangkap, jumlah perkataan dalam baris, memakai rima atau tidak seperti yang terlihat pada gurindam ‘Kemakmuran Negeri Baru Dibuka’ (Gurindam Alam, 1994:44).

Terdapat juga gurindam bebas dimulai, diselangi atau diakhiri dengan bentuk-bentuk lain, umumnya bentuk pantun. Antara contohnya, dalam gurindam ‘Dua Sejdoh’ terlihat rangkap ketiganya menggunakan bentuk pantun.

*Gelugur di tebing tinggi,  
Bulang-baling dalam belukar,  
Diukur sama tinggi,  
Dibanding tidak bertukar.*

*(Permata Budi, 1991:21)*

Seloka seperti gurindam juga tidak tertentu atau tidak tetap bentuknya. Dengan demikian, bentuk seloka dan gurindam seperti yang ditegaskan oleh Harun Mat Piah dan Za’ba adalah sukar dibezakan. Namun begitu masih terdapat perbezaan antara seloka dengan gurindam yang dapat dilihat secara jelas dari segi ciri-ciri isinya. Isi seloka lebih banyak mengemukakan gurauan, ejekan serta sindiran tajam. Cotoh yang jelas antaranya terlihat pada petikan seloka ‘Budi Emak Si Randang’ ini:

*Anak di pangku diletakkan,  
Kera di hutan disusui,  
Dagang pergi awak berhutang,  
Beras habis, padi tak jadi.*

*(Bunga Gerimis, 1986:19)*

Kesimpulannya setiap jenis puisi lama terungkap melalui kemahiran penciptanya memilih dan menyusun kata-kata daripada suasana alam dan persekitarannya serta menjalinkan dengan bunyi. Dalam pemilihan, penyusunan dan penjalinan itu tergambar pernyataan perasaan secara halus. Melalui gambaran-gambaran seperti itulah dapat dikesani 'nilai-nilai murni' seperti kerjasama, kesetiaan, kejujuran, ketabahan, dan seumpamanya sebagai iktibar kepada kehidupan manusia. Begitu juga dengan puisi teromba yang dilahirkan atas kemahiran penulisnya berdasarkan pengaruh persekitarannya untuk menyapaikan kepada masyarakatnya tentang apa yang dilihat dan diperhatikan. Ini bertujuan untuk membina sebuah masyarakat yang berilmu dan seterusnya kepada generasi yang akan datang.

Menurut Harun Mat Piah, 1997: 423-458, dalam bukunya iaitu *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi* ada menyatakan tentang puisi teromba berdasarkan analisis struktur, tema, nilai dan fungsi dalam puisi teromba. Selain itu, buku ini juga mengandungi 9 bab di mana setiap bab membincangkan puisi Melayu tradisional yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Beliau juga menerangkan tentang puisi Melayu tradisional dari segi konsep, bentuk dan ciri-ciri serta genre puisi Melayu tradisional dan antara puisi-puisi yang dibincangkan ialah pantun, syair, nazam, gurindam, seloka, teka-teki, talibun, prosa berirama, teromba, peribahasa berangkap, mentera dan dikir. Semua puisi tersebut dihuraikan dari segi definisi, struktur atau bentuk dan fungsi dalam masyarakat Melayu.

Dalam buku ini menyatakan teromba ialah ungkapan-ungkapan puitis yang mengandungi konotasi adat yang digunakan sebagai panduan dan amalan masyarakat adat, khususnya Adat Temenggung dan Adat Perpatih yang sehingga ini masih terpakai di Minangkabau dan di beberapa daerah di Negeri Sembilan dan Melaka. Namun bagitu terdapat pengolongan yang di buat oleh Za'ba tentang puisi teromba misalnya tidak masukkan teromba ke dalam pembicaraan puisi, tetapi memberikan petikan-petikan dari teromba untuk genre yang dinamakan perbilang; tetapi perbilang tidak pula digolongkan sebagai puisi, sebaliknya adalah sebagai salah satu genre atau jenis peribahasa.

Ekoran daripada penggolongan yang dibuat oleh Za'ba itu, pengkaji-pengkaji yang terkemudian yang membicarakan puisi secara umum, atau undang-undang adat secara khusus, akan menggunakan pelbagai istilah: pepatah, penitih, peribahasa, perbilangan, perbilangan adat, gurindam, teromba, tambo, dan terasul, sebagai merujuk kepada puisi yang dimaksudkan sebagai teromba. Abdullah Siddik, misalnya, menyebut sebagai 'peribahasa adat':

Dasar demokrasi ini di dalam peribahasa Adat Perpatih dinyatakan seperti berikut:

*Raja menibat di dalam alam  
Pengkulu menobat di dalam luak  
Lembaga menobat di dalam lingkungannya  
Orang banyak menobat di dalam terataknya.*

*(Abdullah Siddik 197,110)*

Di tempat lain, beliau menggunakan istilah 'kata-kata adat':

Susunan dan pembahagian kuasa tersebut dinyatakan dalam kata-kata adat, seperti berikut:

*Raja pemerintahan alam  
Undang memerintah luak  
Lembaga memerintah suku  
Buapak memerintah anak buahnya.*

*(Abdullah Siddik 1975,114)*

Nordi Selat, pada beberapa tempat menggunakan istilah ‘perbilangn’:

Adat kategori ini sajalah yang termasuk dlam perbilangn:

*Using-usang diperbaharui  
Lapuk-lapuk dikajangi  
Yang elok dipakai  
Yang buruk di buang*

*Kalau singkat mintak disambung  
Kalau panjang mintak dikerat  
Kalau koyak mintak ditampal.*

(Nordin Selat 1976, 3-4)

Muhammad Din bin Ali, kadang-kadang menggunakan istilah ‘kiasan adat’ di samping pepatah adat:

Setelah mendapat persetujuan oleh ‘menti’ ini secara mulut, maka hendaklah janji ini diikat dengan tanda. Mengikut kiasan adatnya:

*Ibarat risik sudah brdesus  
Ibarat duai sudah merangkak  
Ibarat gramit sudah berkecapi  
Ibarat kata sudah terjawab  
Kata diikat dengan tanda.*

(Moha. Din bin Ali 1957a,11)

Dan tempat lain menggunakan ‘gurindam adat’:

Keputusan atau timbangan atau hokum yang secara adat beginilah yang tidak boleh dianjak dan tak boleh ditukar dan inilah yang dikatakan oleh gurindam adat:

*Tikar terbentang diduduki  
Baju sudah disarungi  
Tidak boleh diubah lagi  
Dianjak layu dicabut mati*

(Mohd. Din bin Ali 1957a, 22)



Daripada contoh-contoh di atas ternyata perbezaan-perbezaan terdapat pada istilah-istilah yang digunakan, sedangkan erti dan konsep yang dimaksudkan adalah daripada bentuk dan jenis yang sama. Oleh itu, keseluruhan konsep dan erti yang diliputi oleh istilah-istilah itu dirangkumkan ke dalam satu istilah, iaitu teromba.

Teromba dari segi bentuk dan strukturnya merupakan persamaan dengan puisi bebas yang lain, khususnya talibun dan prosa berirama; selain daripada itu mungkin juga terjadi daripada bentuk-bentuk yang terdapat dalam genre yang lain, terutama pantun, peribahasa berirama, dan talibun. Bentuk perulangan sejajar, terutamanya dalam aspek anafora, epifora, dan lain-lain, mendekati teromba dengan mentera. Dalam mendekati kepelbagaian bentuk teromba, secara analisis, dapatlah digunakan dua ukuran:

1. Berdasarkan jumlah barisnya dalam serangkap atau seuntai
2. Berdasarkan persamaan dan pembinaanya bersama dengan bentuk-bentuk daripada genre yang lain.

Dari aspek baris sesuatu seuntai teromba mungkin terjadi daripada beberapa rangkap yang terbina pula oleh beberapa baris yang berlainan jumlahnya. Terdapat rangkap-rangkap yang tersiri daripada dua baris, tiga, empat atau mungkin berpuluhan baris bergantung pada topik yang dibicarakan dan fungsi yang dimaksudkan. Contohnya teromba memperlihatkan persamaan bentuk dengan peribahasa berirama dan gurindam daripada jenis yang terikat, seperti berikut:

Teromba dua baris serangkap:

*Hidup dikandung adat  
Mati dikandung tanah.*

*Adat dipakai baru  
Kain dipakai using.*

*Yang elok dipakai  
Yang buruk dibuang.*

Persamaan dan gabungan bentuk teromba dengan puisi lain seperti contohnya pantun empat baris. Pantun yang tipikal terdiri daripada empat baris serangkap, empat perkataan sebaris dengan rima akhir a-b-a-b dan terbahagi kepada unit-unit sampiran dan maksud. Bezanya dengan pantun yang biasa ialah isi dan fungsinya yang merujuk kepada adat, sama ada sebagai pemberian tentang sesuatu adat atau peraturan digunakan dalam konteks sesuatu yang tertentu. Konotasi adatnya bukan saja pada maksud atau keseluruhan pantun, tetapi dapat juga dilihat kehadirannya dalam unit sampiran atau pembayang, contohnya:

*Di dalam nan dua kelarasan  
Adatlah jadi darah daging  
Syarak dan lazim keimanan  
Adat man kawi nan membimbing.*

*Di man jalan baginda Giri?  
Di baruh balai panjang  
Di mana benar adat berdiri?  
Di Batipuh Padang Panjang.*

(Abdullah Siddik 1958, 129)

Tema dan isi teromba pula dapat dilihat dari tiga aspek utama iaitu pertama ialah teromba sebagai gambaran kepercayaan, nilai dan pegangan hidup masyarakat. Kedua teromba sebagai gambaran perlakuan dan tindak laku dan ketiga teromba sebagai huraian dan pemberian terhadap undang-undang dan peraturan yang mesti dipatuhi. Berdasarkan isi dan tema yang terdapat dalam teromba jelas menunjukkan teromba mempunyai fungsi yang tersendiri dalam masyarakat Melayu. Namun begitu, fungsi teromba boleh dilihat dari dua perspektif iaitu teromba sebagai bahan hiasan dan rujukan dan teromba sebagai bahan gunaan.

Fungsi teromba sebagai bahan hiasa dan rujukan apabilan teromba menjadi hiasan dalam ucapan aluan, terima kasih dan sebagainya selain ungkapan-ungkapan teromba juga mungkin digunakan sebagai bahan panduan, memeriksa dan menyemak apa-apa yang dikehendakki oleh adat bagi menjalankan sesuatu majlis adat. Manakala fungsi teromba sebagai bahan rujukkan apabila terdapat teromba yang menceritakan tentang tatacara dan persediaan membuat sesuatu majlis beradat; jadi ertinya ia tidak dibaca atau dituturkan, walaupun mungkin pihak tuan rumah atau tetamunya memetik beberapa bahagian daripadanya.

Menurut Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad, 1993: 446-504 dalam buku mereka iaitu *Kesusasteraan Melayu Tradisional* yang membincangkan sastera undang-undang yang berkait rapat dengan fungsi puisi teromba. Walau bagaimanapun, dalam buku tersebut membincangkan juga tentang kesusasteraan Melayu tradisional yang lain dari segi konsep dan pendekatan, latar belakang sejarah, sastera rakyat, sastera hikayat, sastera panji, sastera epik, sastera sejarah, cerita Nabi-nabi dan tokoh-tokoh Islam, sastera kitab, ketatanegaraan dan kepustakaan ilmu tradisional.

Dalam kesusasteraan Melayu terdapat sastera undang-undang yang mengandungi adat-istiadat di samping undang-undang fekah Islam. Jika dilihat dari sudut kandungannya, sastera undang-undang mengandungi :

1. Kuasa raja dan pembesar dan undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran Negara
2. Undang-undang mengenai jenayah. Biasanya undang-undang jenayah ini bercampur-aduk, antara undang-undang Islam, tempatan dan Hindu.
3. Undang-undang awam. Sifatnya juga bercampur-aduk, termasuk di dalam undang-undang mengenai perkahwinan dan perwarisan.
4. Adat-istiadat yang biasanya dilakukan oleh raja dan pembesar.

Namun bagitu, pada umumnya sastera undang-undang dapat dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan Adat Temenggung dan kumpulan Adat Perpatih. Dalam sejarahnya, kedua-dua kumpulan undang-undang ini berasal dari Sumatera, khususnya dari Minangkabau. Menurut lagendanya, kedua-dua adalah adik-beradik seibu tetapi berlainan bapa. Datuk Temenggung yang tua dan adiknya Datuk Perpatih tetapi mereka berdua mempunyai perbezaan pendapat dalam segenap segi oleh itu, timbulah penggunaan dua Adat dalam masyarakat Melayu iaitu Adat Temenggung dan Adat Perpatih. Jika diteliti perbezaan undang-undang antara kedua-dua adat ini dapat dilihat dari pelbagai segi contohnya dalam aspek kehidupan seperti dalam pemerintahan atau pentadbiran, sistem perkahwinan, pembahagian harta, anak angkat dan perbazaan dari segi menjatuhkan hukuman. Dalam Adat Temenggung cara pemerintahan datangnya dari atas atau lebih bersifat aristokrasi iaitu Raja mempunyai kuasa yang tertinggi. Perkara ini berbeza dengan Adat Perpatih yang menjalankan pemerintahan secara berunding. Pemerintahan pula dijalankan secara demokrasi dan perlantikanya adalah dari bawah.

Manakala dalam sistem perkahwinan dalam Adat Temenggung mengutamakan perkahwinan secara endogamy. Larangan-larangan berkahwinan adalah Adat Temenggung berdasarkan hukum syarak. Islam melarang umatnya berkahwin dengan mereka yang bukan Islam (al-Quran 1: 221) kecuali lelaki Islam dibolehkan mengahwini perempuan ahli al-kitab (Yahudi dan Nasrani), tetapi tidak sebaliknya, (al-Quan: 5). Berlainan dalam Adat Perpatih kerana dalam Adat tersebut mengamalkan perkahwinan semenda iaitu suami wajib tinggal di tempat isteri. Si suami dipanggil semenda kerana dia hanya penumpang dan yang berkuasa mengenai

anak-anak ialah mamak iaitu adik-beradik isterinya. Ini digambarkan dalam teromba yang berikut:

*Orang semenda di tempat semenda,  
Jika cerdik teman berunding,  
Jika bodoh disuruh arah,  
Tinggi banir tempat berlindung,  
Rimbun daun tempat bernaung,  
Disuruh pergi, dipanggil dating,  
Yang patah disuruh menungu jemuran,  
Yang pekak disuruh mencucuh meriam,  
Yang berani dibuat kepala lawan,  
Kalau kaya hendaklah emasnya,  
Kalau alaim hendaklah ilmunya.*

(Abdullah 1975: 134)

Selain itu, perbezaan undang-undang dari segi pembahagian harta juga dapat dilihat, dimana dalam Adat Temenggung mengamalkan hukum syarak dalam masalah harta pusaka, walaupun tidak banyak teks yang memperkatakannya iaitu harta pusaka dilebihkan kepada anak lelaki kerana mereka adalah ketua dalam keluarga dan mempunyai tanggungjawab dalam menjaga kesejahteraan hidup dalam keluranya. Manakala dalam Adat Perpatih pula mempunyai sistem yang tertentu dalam pembahagian harta kerana ia lebih memberatkan menjaga kepentingan suku, dan bagi suku ia lebih menjaga kaum wanita, terutama bagi harta pusaka. Harta yang diturunkan kepada anak perempuan ini dipanggil Pusaka Benar.

Sastera undang-undang tidaklah dapat disamakan dengan istilah undang-undang yang digunakan sekarang. Teks sastera undang-undang tidak pernah digubal oleh sebuah badan perundang. Sesetengah pendapat menyatakan bahawa teks ini pada mulanya adalah bersifat lisan, hanya kemudian baharu dituliskan atas sebab-sebab

yang tertentu. Walau bagaimanapun teks undang-undang bukan sahaja berguna ditinjau dari sudut undang-undang, tetapi juga dari sudut filologi dan budaya. Bagi melihat teks undang-undang sebagai sebuah hasil sastera, kita juga patut memperhatikan gejala sastera yang terdapat didalamnya seperti corak persembahan, mitos asal-usul, kedudukan raja-raja, diskriminasi dalam menjatuhkan hukuman, butir-butir mengenai undang-undang Islam dan campuran Hindu Islam, undang-undang perhambaan, kelemahan sastera undang-undang dan undang-undang lain.

Sesuatu yang istimewa dalam membincangkan sastera undang-undang Melayu lama ini ialah mengenai gaya bahasanya. Dalam hal ini, dipersetujui oleh Mohd. Taib Osman yang menyatakan bahawa:

*“Dalam eti kata sekarang penulis undang-undang tentu sekali tidak dapat dikatakan sebagai hasil kesusasteraan setepat-tepatnya melainkan jikalau kita menggunakan istilah kesusasteraan itu dengan cara yang luas sekali iaitu sebagai sebuah hasil penulisan. Naskah undang-undang Melayu lama itu misalnya dapat menunjukkan kepada kita gaya penulisan atau gaya bahasa pada suatu zaman dalam sejarah kesusasteraan Melayu”.*

*(Mohd. Taib Osman 1965:47)*

Gaya bahasa yang digunakan dalam sastera undang-undang berbeza dengan gaya bahasa lain-lain genre dalam *KMT* seperti teks-teks sejarah atau hikayat-hikayat lipur lara. Gaya bahasa *UKL* lebih dekat kepada gaya bahasa *sastera kitab*.

Dapat dirumuskan bahawa sastera undang-undang merupakan sebuah puisi adat yang diamalkan dalam Adat Temenggung dan Adat Perpatih. Namun begitu kedua-dua Adat ini mempunyai banyak perbezaanya dimana dalam Adat Temenggung banyak menggunakan hukum syarak yang telah ditetapkan oleh Islam dari segi penceraian, pembahagian harta, anak angkat dan lain-lain. Namun begitu, dalam Adat Perpatih setiap hukum yang di buat berlainan dengan hukum agama Islam, kerana ia mempunyai sistem undang-undang yang tersendiri yang kebanyakannya berbeza dengan hukum agama islam. Namun begitu undang-undang adat ini merupakan satu warisan yang amat bernilai kerana ia pernah diamalkan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu dan ia menjadi satu lambang adat dan budaya Melayu yang tidak boleh diganti dengan harta benda.



### 2.3 Kesimpulan

Pengkaji telah menyatakan pelbagai kajian dan pandangan daripada sarjana tentang puisi teromba berdasarkan sudut pandangan masing-masing. Berdasarkan pandangan tersebut, terdapat pelbagai definisi yang diterangkan atau dikemukakan oleh para sarjana mengikut pendapat masing-masing. Namun begitu, secara umumnya dapat didefinisikan bahawa teromba ialah sebuah puisi Melayu tradisional mengandungi undang-undang adat atau peraturan dalam masyarakat Melayu yang diamalkan oleh sebahagian masyarakat Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan dan sebahagian daerah di Negeri Melaka.

Selain itu, teromba juga dibincangkan dari sudut tema, nilai, bentuk dan fungsinya yang tersendiri. Tema yang terdapat dalam teromba ialah inti pati idea atau isi dalam sesebuah teromba yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Manakala nilai ialah fikiran atau idea tentang kepentingan, faedah, mutu, dan kebernilaian tentang segala benda, perkara yang berlaku di sekeliling masyarakat. Nilai dan tema boleh dilihat melalui adat, budi, kaum perempuan, individu bermasyarakat, ekonomi dan sebagainya.

Bentuk teromba pula dikatakan mempunyai pelbagai kerana pengisian teromba adalah bebas dan bergantung kepada penyair atau penulis atau penghasil teromba tersebut dalam menyampaikan pengisian teromba samada dalam bentuk seperti pantun, gurindam, bahasa berirama dan lain-lain bentuk puisi yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Kemudian setiap teromba yang dihasilkan mempunyai fungsi

yang tersendiri dan fungsi tersebut dilihat dalam pelbagai sudut antaranya dalam pentadbiran, perkahwinan, penyimpana khazanah dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, dapat dinyatakan bahawa teromba mempunyai peranan dan fungsi yang tersendiri dalam kehidupan manusia terutama masyarakat Melayu dahulu. Hal ini kerana, masyarakat Melayu dahulu amat menitik beratkan adat dan budaya nenek moyang mereka yang telah sekian lama diamalkan dan menjadi satu kewajipan orang Melayu dahulu meneruskan warisan tersebut.

Kesimpulannya, tidak terdapat seorangpun yang membincangkan tentang kawalan sosial dalam puisi teromba. Oleh itu, pengkaji ingin mencari jenis-jenis kawalan sosial yang terdapat dalam puisi teromba. Hal ini kerana teromba merupakan sebuah puisi Melayu lama yang mengandungi undang-undang atau peraturan yang di amalkan oleh masyarakat Melayu dahulu. Ia bertujuan untuk mengawal pegerakan atau tingkah laku sesebuah masyarakat daripada melakukan sesuatu di luar batasannya. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengajar dan mendidik masyarakat agar lebih berilmu dalam setiap perkara dan ilmu tersebut di ajar melalui puisi-puisi Melayu seperti teromba. Dengan itu, tidak dinafikan bahawa dalam puisi teromba terdapat unsur-unsur kawalan sosial yang masih belum dikaji selidik oleh mana-mana tokoh sarjana sastera tempatan khususnya.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan dalam mengkaji karya sastera. Secara umumnya terdapat dua kaedah kajian yang utama iaitu kaedah kajian kualitatif dan kaedah kajian kuantitatif. Kaedah kajian yang digunakan haruslah bersesuaian dengan kajian yang dijalankan berdasarkan dua kaedah kajian tersebut. Hal ini kerana pencarian maklumat dan data akan menjadi lebih mudah sekiranya mengetahui kaedah bagi pelaksanaan kajian. Kajian merupakan pembinaan realiti pengkaji yang cuba

memahami fenomena berdasarkan pengetahuan, kemahiran serta sikap dan nilai yang ada dalam pengalamannya.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah melalui kaedah kajian kualitatif. Menurut Iyan Afriani H.S (2009, Januari 19) kaedah kajian kualitatif merupakan sebuah kajian yang menggunakan keterangan, pemahaman, pemerhatian, intepretasi dan menyelidik sesuatu fenomena sosial dan perilaku manusia. Selain itu, kajian kualitatif merupakan prosedur berdasarkan penelitian yang menghasilkan data deskriptif yang berupa penulisan mahupun lisan daripada perilaku manusia yang diamati. Kajian ini digunakan untuk menyelesaikan sesuatu masalah, mengetahui makna yang tersembunyi, memahami interaksi sosial, mengembangkan teori, memastikan kebenaran sesuatu data dan meneliti sejarah perkembangan sesuatu perkara.

Manakala menurut Yeap Keng Leng (2000) kajian kualitatif bersifat subjektif oleh itu pengkaji memainkan peranan penting sebagai pentafsir secara berterusan. Kajian kualitatif berbentuk deskriptif yang melibatkan nilai, dapatan kajian menyentuh kebiasaan, peribadi dan cara hidup responden yang merupakan manusia yang perlu meneruskan hidup tanpa kecaman daripada mana-mana pihak. Oleh yang demikian, kajian berbentuk kualitatif perlu mematuhi etika yang digariskan.

Selain itu, beliau juga ada memetik kata-kata daripada *Dentin dan Lincoln* dalam buku *The Landscape of Qualitative Research* yang menyatakan:

*“Qualitative research involves the studied use and collection of a variety of empirical materials—case study, personal experience, introspective, life story, interview, observational, historical, interactional, and visual texts – that, describe routine and problematic moments and meanings in individual’s lives. Accordingly, qualitative researchers deploy a wide range of interconnected methods, hoping always to get a better fix on the subject matter at hand.”(m.s. 3)*

Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah Hamzah, 2011, Mac 05).

Berdasarkan pendapat-pendapat tersebut, dapat dirumuskan bahawa kaedah kajian kualitatif memerlukan pemahaman, pemerhatian dan pandangan individu terhadap sesuatu sampel kajian. Kaedah kajian ini juga tidak memerlukan data berangka yang sistematik bagi menganalisis sesuatu kajian. Ianya hanya memerlukan penerangan yang terperinci dan setiap perolehan data dihurai secara khusus mengikut kehendak pengkaji.

### 3.3 Kaedah Kajian


Kaedah kajian yang digunakan adalah melalui teks dan perpustakaan sebagai bahan kajian utama. Melalui kajian ini pengkaji akan mencari sampel kajian melalui pembacaan teks di perpustakaan. Menurut Dr. Adli Hj. Yacob dan Khuzaihan Zakaria, 2008:801 teks bermaksud ayat dan kata-kata asal pengarang atau petikan dari sebuah buku atau kitab sebagai tajuk perbincangan. Teks yang dimaksudkan ialah buku-buku puisi teromba yang mempunyai alat kawalan sosial dalam masyarakat Melayu. Hal ini kerana, objektif utama pengkaji adalah mencari alat-alat kawalan sosial dalam puisi teromba.

Antara teks yang pengkaji guna dalam kajian ialah Teromba Dalam Puisi Melayu Tradisional yang ditulis oleh Mohd Rosli Saludin. Teks ini menjadi sampel kajian yang amat penting kerana dalam teks tersebut terdapat penerangan yang khusus tentang dunia teromba. Namun begitu terdapat juga teks-teks lain yang digunakan oleh pengkaji sebagai panduan dalam menjalankan kajian bagi menyokong data yang diperolah daripada teks utama. Selain itu, dalam teks utama terdapat nilai-nilai kawalan sosial yang menjadi objektif kajian. Oleh itu, penggunaan teks tersebut amat penting kepada pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

Manakala perpustakaan adalah kumpulan buku-buku yang tersimpan menurut berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan atau bangunan yang mengumpul buku-buku untuk bacaan dan rujukan orang ramai atau penyelidik (Dr. Adli Hj, Yacob dan Khuzaihan Zakaria, 2008:629). Menurut Gatot Subrata, S.Kom (2009, Oktober) Sumber koleksi perpustakaan terbahagi kepada tiga iaitu koleksi primer, koleksi sekunder dan koleksi tersier. Koleksi primer terdiri daripada ensiklopedia, kamus, sumber geografi, biografi dan buku pegangan dan manual. Koleksi sekunder sering disebut sebagai bahan rujukan umum sedangkan koleksi tersier adalah bahan untuk dijadikan bibliografi.

Kaedah perpustakaan digunakan untuk menjadi bahan tambahan kepada pengkaji sebagai rujukan dan panduan kepada pengakaji agar tidak tersasar dalam menjalankan kajiannya. Hal ini penting kerana, bahan daripada perpustakaan akan menolong pengkaji mencari objektif kajian selain daripada teks yang diperolehi.

### 3.4 Prosedur Kajian



**Rajah 3.0 Kerangka Kajian**



Kajian bermula apabila pengkaji mencari bahan kajian di perpustakaan dan pusat jualan buku-buku ilmiah bagi mendapatkan bahan untuk dikaji. Pencarian ini mengambil masa yang agak lama kerana buku-buku yang diperlukan adalah terhad dan hanya terdapat di sesetengah tempat sahaja. Selain itu, terdapat juga bahan kajian (buku) yang tidak dikeluarkan oleh penerbit buku kerana tempoh penerbitannya yang telah melebihi 15 tahun.

Selepas pengkaji mendapatkan bahan kajian, pengkaji akan mula membuat analisis terhadap teks yang diperolehi iaitu dengan membaca, meneliti, dan memahami isi kandungan yang terdapat dalam buku tersebut. Dari sini pengkaji akan mencari objektif kajian iaitu alat kawalan sosial dalam teks (teromba). Kemudian pengkaji akan mengenal pasti alat kawalan sosial yang terdapat dalam teks dan antara alat kawalan sosial yang dimaksudkan ialah dari segi adat, undang-undang, masyarakat, dan ekonomi.

Di dalam bab 1 pengkaji telah menerangkan bahawa kawalan sosial bermaksud satu undang-undang atau peraturan yang menyarankan masyarakat bertingkah laku baik dan sesuai dengan keadaan persekitaran. Didalam puisi teromba terdapat unsur-unsur yang peraturan yang menjadikan pegangan oleh masyarakat Melayu. Secara tidak langsung, kandungan isi dalam puisi teromba yang digunakan oleh masyarakat Melayu tersebut mempunyai alat kawalan sosial.

Sebagai contoh kawalan sosial dalam adat orang Melayu, menurut Rosli Saludin ,2009:221 adat adalah kebiasaan yang dipakai sehari-hari bermula daripada seorang kemudian menjadi kebiasaan pada sesebuah keluarga dan digunakan pula oleh sesebuah masyarakat. Adat merupakan satu perbuatan yang diamalkan oleh manusia dan dalam adat tersebut terdapat peraturan yang melarang dan menyarankan masyarakat dalam sesuatu perkara. Oleh itu, dapat lihat bahawa kawalan sosial masyarakat Melayu terdapat dalam adat. Begitu juga dengan undang-undang dalam masyarakat Melayu yang diamalkan dalam Adat Perpatih dan Adat Temenggung juga dilihat sebagai alat kawalan sosial.

Manakala aspek kepimpinan juga boleh menjadi alat kawalan sosial dalam teromba kerana menurut Mohd Rosli Saludin, 2009: 299 bahawa keladilhan sesebuah kepimpinan juga turut terungkap di dalam teromba sebagai pedoman kepada seseorang yang dilantik menjadi pemimpin. Pemimpin mestilah bersikap adil dalam segala hal dan mengenyahkan kepentingan peribadi dan kekeluargaan. Kawalan sosial tersebut adalah menyarankan golongan pemimpin menjadi teladan dan menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat agar membentuk sebuah masyarakat yang baik.

Dari segi kekeluargaan pula, kawalan sosial dilihat dalam soal persefahaman, kata muafakat adalah paling diutamakan kerana tidak akan berlaku pergaduhan dan jika terdapat masalah yang timbul akan diselesaikan dengan segera (Mohd Rosli Saludin, 2009: 291). Hal ini ada dinyatakan dalam teromba Muafakat yang menyarankan bekerjasama antara sesama manusia.

Selain itu, kawalan sosial juga dapat dilihat dari segi bermasyarakat yang mengatur pergaulan antara satu sama lain. Menurut Dr. Adli Hj.Yacob dan Khuzaihan Zakaria, 2008: 525 masyarakat merupakan kumpulan manusia yang hidup bersama dalam satu pergaulan yang beraturan. Hubungan antara teromba dengan masyarakat itu amalah erat kerana teromba itu sendiri adalah satu cara kumpulan masyarakat adat mengadakan sistem nilai iaitu berupa aturan yang menentukan kelicinan pentadbiran (Mohd Rosli Saludin, 2009: 265). Jelaslah bahawa bermasyarakat adalah salah satu alat kawalan sosial dalam teromba.

Dalam teromba juga terdapat unsur-unsur budi dimana pengkaji melihat ianya sebagai alat kawalan sosial. Hal ini kerana terdapat teromba yang menyatakan tentang budi iaitu teromba Jadilah Insan Yang Reti Bahasa. Selain itu, Mohd Rosli Saludin, 2009: 108 ada menyebut bahawa berbudi bukan sahaja peraturan yang baik tetapi juga termasuk tingkah laku seperti merendah diri, tenang, bertanggungjawab, dan ramah mesra. Oleh itu, budi juga menjadi alat kawalan sosial dalam teromba kerana ia menekankan amalan nilai-nilai murni yang menjadi kawalan sosial masyarakat.

Kawalan sosial dianggap sebagai pemangkin utama dari sudut penjagaan keamanan, keselamatan, keselesaan dan sebarang bentuk ancaman kepada masyarakat. Oleh itu, kekukuhan ekonomi, kestabilan politik, keseimbangan sosiobudaya, perpaduan kaum dan integrasi nasional mudah dicapai

### 3.5 Kesimpulan

Dalam menjalankan sesebuah kajian, pengkaji harus mengenalpasti kaedah yang digunakan semasa perolehan data tentang kajiannya ini bertujuan untuk membimbing pengakaji semasa beliau menjalankan kajian. Oleh itu, dalam kajian teomba ini, pengkaji telah memilih kaedah kajian kualitatif dimana kajian kualitatif merupakan kajian yang melibatkan pemahaman, pembacaan dan penelitian terhadap sesuatu kajian. Oleh itu, kajian terhadap teromba adalah melalui pembacaan, pemahaman, penelitian dan kemudian menganalisis teromba tersebut berdasarkan objektif kajian.

Manakala dalam perolehan data pula adalah berdasarkan kaedah kajian kualitatif itu juga tetapi ia adalah melalui teks dan perpustakaan. Teks yang dimaksudkan ialah buku-buku yang berkaitan dengan puisi teromba. Antara teks yang dipilih oleh pengkaji ialah Teromba Dalam Puisi Melayu Tradisional yang dikarang oleh Mohd Rosli Saludin. Dalam teks tersebut juga terdapat isi penting yang menjadi objektif utama pengkaji iaitu kawalan sosial dalam masyarakat Melayu. Isi-isi penting tersebut menjadi data yang diperolah melalui teks yang telah dipilih. Disamping itu, data juga diperolah melalui perpustakaan. Perpustakaan adalah tempat yang mempunyai bahan-bahan rujukan atau buku-buku ilmiah yang menjadi penyokong kepada data yang diperolah daripada teks.

Selepas data diperolahi, data tersebut akan dianalisis berdasarkan objektif kajian. Setiap data akan dianalisis melalui huraian berbentuk perenggan oleh pengkaji mengikut urutan objektif yang paling penting. Kesimpulanya, aspek reka bentuk kajian amat penting kerana ia membantu penyelidik menyelesaikan permasalahan dalam kajian mereka. Selain itu, kaedah kajian juga bertujuan untuk membina satu strategi dalam kajian yang baik dan mampu menghasilkan hasil kajian yang baik.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Dapatan kajian merupakan satu hasil data yang diperoleh daripada penganalisan kerja terhadap sesuatu kajian dengan menggunakan cara atau kaedah yang khusus. Tujuan utama dalam bab ini ialah mencapai objektif yang telah ditetapkan serta menyelesaikan pernyataan masalah yang timbul dalam kajian ini. Sehubungan itu, pengkaji akan menghuraikan secara terperinci dapatan kajiannya berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Huraian tersebut adalah berdasarkan batasan kajian iaitu puisi teromba yang mengandungi unsur-unsur kawalan sosial dalam masyarakat Melayu.

## 4.2 Teromba

Masyarakat Melayu dahulu amat berpegang kepada adat dan budaya yang diwarisinya daripada nenek moyang yang terdahulu. Adat dan budaya tersebut disampaikan melalui lisan dari generasi ke generasi yang baru agar adat dan budaya tidak dilupakan. Diantara adat dan budaya tersebut ialah puisi teromba yang menjadi salah satu warisan budaya yang tergolong dalam kumpulan puisi-puisi Melayu tradisional yang amat kaya dengan unsur-unsur kawalan sosial dalam masyarakat Melayu terdahulu.

Teromba merupakan teks yang menyatakan salasilah dan kandungan undang-undang adat yang dikenali sebagai Adat Perpatih, khususnya yang di ikuti dan di amalkan di Minangkabau, Sumatera dan Negeri Sembilan, Malaysia (Mohd Rosli Salahudin ,2009:35). Manakala dari segi bahasa menurut Teuku Iskandar,1994:1435 ialah sejarah yang diceritakan dalam bentuk perbilangan, tambo atau riwayat.

Selain daripada itu teromba juga dikenali sebagai perbilangan adat seperti yang diterangkan oleh Aripin Said,1996:146 iaitu perbilangan adat atau disebutkan sebagai “perbilangan” kerana cara menyebutkan puisi itu seolah-olah seperti membilang seperti teromba dibawah:

*Kelebihan Nabi dengan umat,  
Kelebihan umat dengan muafakat,  
Bulat air keran pembentung,*

*Air melurut dengan bendarnya,  
Benar melurut dengan muafakannya.*

*(Aripin Said, 1996: 146)*

Teromba diatas jelas menunjukkan perbilangan atau pengulangan dari segi pengucapannya melalui perkataan “muafakat” yang diulang pada baris kedua dan baris terakhir teromba. Begitu juga dengan contoh di bawah:

*Ke bukit sama didaki,  
Ke lurah sama dituruni,  
Ke laut sama direnangkan.*

*Yang berat sama dipikul,  
Yang ringan sama dijinjing,  
Hati gajah sama dilapah,  
Hati kuman sama dicecah.*

*(Aripin said, 1996: 147)*

Dalam teromba tersebut dapat dilihat peranannya dalam pelbagai unsur kehidupan yang digambarkan dengan ungkapan yang bernas dan menarik susunan ayatnya. Ia membicarakan tentang sistem pemerintahan, hubungan kekeluargaan, fungsi dan tugas setiap ahli masyarakat yang menunjukkan bahawa teromba adat menentukan bahawa setiap orang mempunyai fungsi yang tersendiri dalam sesebuah masyarakat.



Selain daripada itu, teromba juga menjelaskan bahawa masyarakatnya mempunyai fungsi dan tugas yang tersendiri untuk menunjukkan kerjasama yang erat bagi mengekalkan perpaduan yang menjadi objektif utama dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai ahli dalam masyarakat dan seorang manusia. Setiap tanggungjawab itu diagihkan sama rata antara satu sama lain mengikut kemampuan seseorang individu.

### 4.3 Teromba Sebagai Alat Kawalan Sosial

Pengisiran teromba telah menyatakan bahawa peraturan yang dibuat oleh adat tidak akan menyusahkan sesiapa. Malah teromba adalah untuk menunjukkan ketinggian nilai yang terdapat pada anggota masyarakat yang mempunyai pelbagai lapisan seperti muda dan tua, kaya dan miskin, cerdik dan buta huruf dan sebagainya. Teromba dapat dikatakan sebagai satu bentuk puisi tradisi yang intim dengan kehidupan masyarakat Melayu lama.

Hal ini juga diperkukuhkan dengan pendekatan sosiologi yang menekankan aspek-aspek ajaran sosial, iaitu karya tersebut ingin mengajar bagaimana hendak menjadi seorang rakyat yang berguna, manusia yang sensitif terhadap tugas kemasyarakatan, bertanggungjawab dan sedia berjuang demi kepentingan rakyat bawahan. (Mana Sakina, 1986:108).

#### 4.3.1 Adat

Adat merupakan satu amalan yang kebiasaannya digunakan setiap hari dalam kehidupan masyarakat Melayu tanpa disedari. Adat juga sering di kaitkan dengan agama yang dipegang oleh masyarakat Melayu kerana adat ini mempunyai peraturan yang melarang atau menyuruh masyarakat dalam melakukan sesuatu perkara yang buruk kepada kebaikan.

Bagi masyarakat Adat Perpatih, adat adalah aturan hidup mereka di dunia, seperti kata pepatah ‘hidup dikandung adat, mati di kandung tanah’ . Keutamaan adat tersebut adalah kebaikannya yang harus dipegang oleh setiap ahli masyarakat serta mengamalkannya dan mengelakkan melakukan perkara-perkara yang negatif. Sejarar dengan kata teromba di bawah:

*Kerja baik dipercepatkan*

*Yang buruk dilemparkan*

*(Bahari Ibrahim, Kampung Dioh, Negeri Sembilan, 3 Mei 1997 dalam Mohd Rosli Saludin, 2009:96)*

Didalam ungkapan teromba tersebut menjelaskan bahawa segala kebaikan harus diutamakan. Ianya menunjukkan aspek kawalan sosial supaya masyarakat sentiasa melakukan kebaikan supaya hidup masyarakat bersepadu. Hal ini disokong melalui satu lagi teromba yang menyuruh masyarakatnya melakukan perkara yang membawa kebaikan kepada kumpulan masyarakat. Contohnya teromba adat yang menyarankan bermuafakat :

*Bulat air dek pembentung*

*Bulat manusia dek muafakat*

*Penghulu berapa ke muafakat*

*Muafakat berapa kepada yang benar*

*Ibu hukum muafakat*

*Ibu adat muafakat*

*(Nohalim Ibrahim, 1996:4 dalam Mohd Rosli Saludin, 2009:102)*

Teromba tersebut menyarankan bahawa bermuafakat boleh membentuk perpaduan dalam masyarakat dan perpaduan tersebut mewujudkan sebuah Negara yang aman dan selamat. Selain itu, dengan bermuafakat juga akan mewujudkan kata putus mudah dicari dalam membuat sebarang keputusan dalam sesebuah musyawarah.

Selain itu, terdapat juga teromba adat yang menyarankan hidup bermuafakat dalam kalangan masyarakat seperti contoh dibawah:

*Yang berat sama dipikul,  
Yang ringan sama dijinjig  
Hati gajah sama dilapah  
Hati kuman sama dicecah.*

*(Aripin Said, 1996:147)*

Sehubungan dengan itu, dalam teromba juga ada menyebut tentang pembahagian adat dalam masyarakat Melayu. Hal ini bermaksud adat dipecahkan kepada dua iaitu Adat Temenggung dan Adat Perpatih. Seperti contoh teromba dibawah:

*Ke laut Adat Temenggung  
Ke darat Adat Perpatih  
Adat yang tak lapuk dek hujan*

*Tak lekang dek panas*

*Biar mati anak jangan mati adat*

*(Saludin Md. Amin, Kampung Dioh Kecil, Negeri Sembilan, 7 Ogos 1997 dalam Mohd Rosli Saludin, 2009: 82)*

#### 4.3.2 Undang-undang

Undang-undang adalah satu peraturan yang dihasilkan oleh sistem perundangan masyarakat atau sesebuah badan pemerintahan untuk kegunaan masyarakat itu sendiri. Dalam adat perpatih undang-undang dilihat sebagai sebahagian dalam adat itu sendiri. Undang-undang adat perpatih mencerminkan falsafah keadilan masyarakat di Minangkabau dan Negeri Sembilan. Ia berupa untuk membendung tatatusila serta nilai hidup yang mempunyai tenaga dan kuat kuasa dalam masyarakat yang penuh budi bahasa dan sopan santun. (Mohd Rosli Saludin, 2009:278).

Walau bagaimanapun, dalam masyarakat hukum adat khususnya Adat Perpatih tidak wujud mahkamah dalam erti kata sebenar. Hanya yang ada ialah sidang yang dikendalikan oleh pemimpin masyarakat adat bersama orang tua-tua dalam masyarakat dan permasalahan yang timbul dimusyawahkan bersama bagi memulihkan keseimbangan di dalam masyarakat Hukum Adat (Abdullah Siddik, 1975:41).

Undang-undang Adat Perpatih tersebut terkandung dalam puisi teromba yang asalnya tidak bertulis tetapi di pertuturkan dari generasi ke generasi melalui pertuturan atau lisan. Oleh itu, pada zaman dahulu daya ingatan memainkan peranan penting kerana pesan yang disampaikan harus di ingati untuk dijadikan teladan kepada generasi baru. Undang-undang yang terhasil haruslah dipatuhi demi kestabilan kepimpinan Adat Perpatih itu sendiri. Seperti contoh teromba dibawah:

*Alam beraja*

*Luak penghulu*

*Suku lembaga*

*Besar berpesaka*

*Anak buah berpuak*

*(Lembar Ahmad, Mertang, Negeri Sembilan, 7 Jun 1997 dalam Mohd Rosli Saludin, 2009:135)*

Teromba tersebut mengingatkan bahawa setiap anggota masyarakat hidup dalam peraturan dan tidak ada yang hidup mengikut undang-undang sendiri. Setiap kuasa pemimpin masyarakat juga telah ditentukan termasuk batasan kuasanya untuk bertindak berdasarkan pangkat. Contoh teromba:

*Tali pengikat daripada lembaga*

*Keris penyalang daripada undang*

*Pedang pemancung daripada keadilan*

*Tikan tak bertanya*

*Pancung tak berkhobar*

*Hukum raja:*

*Enam puluh enam kupang*

*Tujuh talil sepaha*

*Sekandi sekendidi*

*Seisi lesung pesuk*

*Seruas buluh talang*

*Sekucung lengan*

*Baju*

*(Raja Majid Raja Ahmad, Melang, Negeri Sembilan, 28 Mac 2001  
dalam Mohd Rosli Saludin, 2009:279)*

Selain daripada itu, puisi teromba juga mementingkan undang-undang yang berdemokrasi. Iaitu, semua keputusan yang perlu dibuat adalah berdasarkan musyawarah dan perbincangan bersama. Semua pihak harus bekerjasama dalam menyelesaikan masalah. Contoh teromba tersebut ialah:

*Salah pincang memberi pampas*

*Salah bunuh memeberi balas*

*Salah mkan meludahkan*

*Salah teruk kembalikan*

*Sesat turut terlangkah kembali*

*Salah pada Allah taubat*

*Kawal manusia minta maaf*

*Bohong dibuang usul dipakai*

*Bersetuju berbetulan*

*Bersalahan berpatut*

*Ghaib berkalām Allah*  
*Berbantah ditegah*  
*Suarang beragih*  
*Menarik mengembalikan*  
*Meminjam memulangkan*  
*Hutang membayar*  
*Piutang diterima*  
*Jauh yang berhambatan*  
*Hampir yang bertentukan*

*(Winstedt, 1954:45-46 dalam Mohd Rosli Saludin, 2009:136-137)*

#### 4.3.3 Masyarakat

Menurut Dr. Adli Hj. Yacob dan Khuzaihan Zakaria, 2008:525 masyarakat kumpulan manusia yang hidup bersama dalam satu pergaulan dan beraturan manakala bermasyarakat ialah bersosial, bercampur atau menggabungkan diri. Oleh itu, masyarakat ialah sekelompok manusia yang hidup bersama dalam sesebuah kawasan berkongsi adat dan budaya serta mempunyai peraturan atau undang-undang yang tersendiri.

Hidup berkelompok merupakan satu lumrah bagi manusia yang saling memerlukan antara satu sama lain untuk memenuhi keperluan asas masing-masing seperti makan, pakaian dan tempat tinggal. Selain itu, manusia juga saling berinteraksi atau berkomunikasi antara satu sama lain untuk memenuhi keperluan hidup selain berkongsi pengalaman atau ilmu. Oleh itu, teromba



menjadi alat komunikasi untuk mengawal tingkah laku masyarakat agar berkelakuan baik. Sehubungan itu, kawalan masyarakat juga terdapat dalam bentuk norma, adat, undang-undang dan sebagainya.

Dalam Adat perpatih mementingkan masyarakat daripada perseorangan. Oleh sebab itu, orang perseorangan dididik untuk mengabdikan diri kepada masyarakat. Abdikan diri ini bermaksud menyumbang dan berbakti kepada masyarakat (Mohd Rosli Saludin, 2009:244). Sebagai contoh teromba dibawah:

*Tegak bersaudara, saudara dipertahankan*

*Tegak berkampung, kampong dipertahankan*

*Tegak bernegeri negeri dipertahankan*

*Tegak berbangsa, bangsa dipertahankan*

*Penakik pisau seraut*

*Ambil dalah batang lintabung*

*Selodang jadikan nyiru*

*Tang setitik jadikan laut*

*Yang sekepal jadikan gunung*

*Alam terkenang jadikan guru*

*(Abdul Rahman Hj. Mohammad. 1964:12-13 dalam Mohd Rosli Saludin,2009:244-245)*

Setiap individu dalam masyarakat harus mempunyai sikap hormat-menghormati antara satu sama lain. Dalam masyarakat tidak mempunyai istilah tidak berguna dan tiada seorangpun yang akan dicirikan atau dikecualikan. Jika terdapat yang cacat atau kurang sifat fizikalnya sebagai seorang manusia harus juga dihormati kerana mereka juga mempunyai peranan yang penting dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, terdapat teromba yang menyarankan masyarakat menghormati antara satu sama lain. Contoh:

*Bodoh disuruh arah*

*Cerdik teman berunding*

*Buta menghembus lesung*

*Pekak membakar meriam*

*Patah mengahatau ayam*

*Kok licin bersenduk di laman*

*Kok kuat mengangkut air*

*Kok linca menanting pantar*

*Pantar bertudung di pangkal*

*Atas bertadbir langit-langit*

*Bawah sirih bertepak*

*(Raja Majid Raja Ahmad, Melang, Neger Sembilan, 3 Jun 1997 dalam Mohd Rosli Saludin, 2009:126-127)*

Dalam masyarakat terdapat anggotanya yang lebih dan kurang dimana jurang perbezaan yang sangat ketara. Oleh itu, terdapat teromba yang menyarankan agar anggota masyarakat yang besar dan berkuasa tidak menghimpit atau mengainaya yang lemah dan golongan yang cerdas pandai,

tidak boleh menipu golongan yang kurang cerdas. Contoh teromba tersebut ialah:

*Dek tali tiga sepilin*

*Dek tungku tiga sejerangan*

*Usah cerdas nak jual kawan*

*Usah gadang nak melanda*

*Usah dek panjang akar nak melilit*

*Dek gemuk membuang lemak*

*Tukang membuang kayu*

*Kok alang baik tak usah diguna*

*Dek alang tukang binasa kayu*

*Alang cerdas binasa adat*

*Alang alim rosak agama*

*Alang mengerti kacau negeri*

*(Raja Majid Raja Ahmad, Melang, Negeri Sembilan, 3 Jun 1997 dalam Mohd Rosli Saludin, 2009:127)*

Dalam masyarakat juga penting dalam kesepakatan atau bermuafakat antara sesama anggotanya. Muafakat haruslah betul tujuannya dan muafakat itu membawa keuntungan dan kebaikan kepada setiap ahli masyarakat tersebut. Contoh terombanya ialah:

*Yang diberi garis yang dipahat*

*Yang ditakluk yang ditebang*

*Berjinjang naik*

*Bertangga turun*

*Kemanakan beraja pada mamak*

*Mamak beraja pada penghulu*

*Penghulu beraja pada muafakat*

*Muafakat beraja pada alur dan patut*

*(Nordin Selat. 1976:14 dalam Mohd Rosli Saludin, 2009:124-125)*

#### 4.3.4 Ekonomi

Ekonomi merupakan ilmu mengenai pengeluaran, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta masalah-masalah yang bersangkutan (Dr. Adli Hj. Yacob dan Khuzaihan Zakaria,2008:194). Dalam masyarakat Melayu dahulu, pertanian merupakan satu sektor ekonomi yang paling utama.

Antara aktiviti pertanian yang dilakukan oleh masyarakat Melayu dahulu ialah meneroka sawah di pinggir gunung dan dilereng bukit yang mempunyai air, menanam tumbuhan-tumbuhan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan dan menternak haiwan seperti ayam, itik, kambing, kerbau, disamping mereka juga membuat kolam ikan untuk di ternak seperti yang diperkatakan dalam teromba dibawah:

*Ke sawah berbunga empingan*

*Ke rimba berbunga kayu*

*Ke sungai berbunga pasir*

*Ke laut berbunga karang*

*Ke tambang berbunga emas*

*Bertanam nan berpucuk*

*Memlihara nan bernyawa*

*Nan lunal ditanam padi*

*Nan keras dibuat ladang*

*Nan berair pelepaskan itik*

*(Mohd Rosli Saludin, 2009: 147-148)*

Setiap hasil pertanian tersebut adalah untuk menjana pendapatan keluarga yang hidup secara bersederhana. Walaupun keseluruhan aktiviti pertanian yang dilakukan adalah secara tradisional dan dalam skala yang kecil, namun hasilnya cukup untuk memenuhi kesenangan keluarga mereka. Hal ini kerana mereka melakukan aktiviti bersama-sama dan bermuafakat antara satu sama lain seperti sikap bergotong-royong memperbaiki saluran air dan membersihkan sawah daripada sampah sarap.

Begitu juga dalam masyarakat Adat Perpatih yang amat pentingkan ekonomi pertanian. Hal ini kerana tanah merupakan harta yang paling berharga buat mereka selain tanah itu lambang kepada kedudukan seseorang di dalam masyarakat Adat Perpatih itu sendiri. Seperti contoh teromba di bawah:

*Sebingkah tanah nan terbalik*

*Sebidang tanah buat pengempang*

*Sebatang kayu nan rebah*

*Air segantang selubuk*

*Selenyap bumi malam*

*Pinang nan sayup*

*Nyiur nan saka*

*Jirat nan panjang*

*(Mansor Daud, Angga Bisa, Negeri Sembilan, 3 Jun 1997 dalam Mohd Rosli Saludin, 2009: 131)*



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.4 Kesimpulan

Teromba merupakan satu puisi yang diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu sebagai alat kawalan sosial dalam masyarakatnya. Walaupun teromba hanyalah satu rangkap ayat atau susunan kata dalam baris, namun orang Melayu dahulu menggunakannya sebagai satu alat atau perantaraan untuk membentuk sikap masyarakatnya. Di sini dapat ditegaskan bahawa teromba mempunyai banyak nilai-nilai positif yang boleh diambil sebagai panduan dalam kehidupan kita pada hari ini.

Sehubungan dengan itu, penerimaan masyarakat dahulu terhadap puisi teromba sangat kuat berbanding masyarakat Melayu sekarang kecuali masyarakat Melayu yang masih mengamalkan Adat Perpatih. Hal ini kerana Masyarakat Melayu sekarang lebih terpengaruh kepada budaya masyarakat luar, oleh itu mereka telah meninggalkan adat resam mereka sendiri tanpa disedari. Oleh itu, sangat penting puisi teromba ini di pelihara daripada terus di tinggalkan kemudian dilupakan yang boleh menyebabkan puisi teromba ini hilang dengan begitu sahaja.

Selain itu, masyarakat Melayu dahulu menggunakan teromba dalam pelbagai bidang sosial seperti adat, undang-undang, masyarakat, ekonomi dan sebagainya. Penggunaan teromba tersebut mempunyai pelbagai faedah dan manfaat berguna kepada masyarakatnya seperti mengawal aktiviti sosial dalam masyarakatnya.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang dapatan daripada kajian yang telah dijalankan dan pengkaji akan membuat rumusan secara keseluruhan daripada hasil kajian tersebut. Selain itu, pengkaji juga akan memberi pandangan, pendapat dan cadangan untuk membantu dan menyelesaikan permasalahan yang terdapat dalam objektif kajian. Sehubungan dengan itu, cadangan yang bersesuaian dalam kajian ini ialah melalui kepupusan, pengumpulan dan pemuliharaan, pelancongan dan komersial atau keusahawanan. Selain itu, kajian ini juga penting kepada empat isu utama iaitu kepada individu, masyarakat, institusi, dan Negara.



## 5.2 Perbincangan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, telah terbukti bahawa teromba dijadikan sebagai alat kawalan sosial dalam masyarakat Melayu dahulu. Hal ini kerana, terdapat banyak seni kata atau puisi-puisi teromba yang menyentuh tentang kehidupan sosial masyarakat pada zaman tersebut. Sehubungan dengan itu, isi kandungan dalam puisi-puisi teromba banyak mengajar dan mendidik masyarakatnya dalam setiap aktiviti sosial. Hal ini disebabkan penggunaan teromba yang begitu meluas pada waktu itu, menjadikan teromba sebagai medium penyampaian maklumat kepada masyarakatnya.

Walaupun kini teromba dilihat sebagai satu Tradisi Lisan Melayu lama, namun masyarakat Melayu dahulu menggunakannya sebagai satu alat mengajar dan mendidik atau alat kawalan sosial. Berbanding masyarakat sekarang yang sudah tidak mengenali makna sebenar puisi teromba itu sendiri. Malahan masyarakat Melayu sekarang tidak lagi menganggap puisi teromba tersebut sebagai keperluan dalam mengawal aktiviti sosial masyarakat sekarang.

Kawalan sosial merupakan satu peraturan atau undang-undang yang menyarankan masyarakatnya bertingkah laku baik dalam membuat keputusan mengikut kesesuaian keadaan persekitaran. Oleh itu, masyarakat Melayu dahulu menggunakannya dalam aktiviti sosial mereka seperti adat, undang-undang, masyarakat dan ekonomi supaya seperti yang dinyatakan oleh pengkaji.

### 5.3 Cadangan

Dalam kajian ini, pengkaji mencadangkan bahawa puisi teromba ini kepada empat aspek utama iaitu kepupusan, pemuliharaan, komersialisasi dan pelancongan. Hal ini kerana aspek-aspek tersebut dapat membantu dalam pembangunan dan memelihara puisi teromba secara langsung dan tidak langsung.

Penggunaan puisi teromba dalam masyarakat zaman sekarang tidak lagi dipraktikkan dalam kehidupan mereka. Oleh itu, puisi ini akan mengalami kepupusan secara tidak langsung tanpa kita sedari. Untuk mengelak kejadian ini terus berlaku, individu yang mengetahui tentang puisi ini harus mendedahkannya secara khusus kepada masyarakat seperti menghasilkan buku kemudian diletakkan di perpustakaan. Supaya ianya boleh menjadi bukti kewujudan puisi-puisi teromba yang tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Melayu sekarang.

Manakala dari segi pemuliharaan, pengumpulan puisi teromba harus dilakukan secara khusus. Pengumpulan ini dilakukan melalui individu atau orang tua yang mengetahui tentang puisi-puisi ini kemudian di catat dan dibukukan supaya puisi-puisi ini tidak hilang. Oleh itu, puisi teromba akan terpelihara dan tidak pupus walaupun pewaris puisi ini telah tiada. Sehubungan dengan itu, buku-buku yang dihasilkan boleh dijadikan sebagai rujukan kepada institusi-institusi kerajaan atau awam samada dalam atau luar Negara.

Cadangan dari segi komersialisasi ialah pula puisi teromba boleh dikomersilkan dengan menghasilkan lagu-lagu yang beririkan puisi teromba agar pendengar yang terdiri daripada masyarakat dapat mengenal puisi tersebut secara tidak langsung. Selain itu, ia juga boleh dijual kepada masyarakat yang boleh memberi pulangan kepada individu yang menghasilkannya disamping kemudiannya ia boleh dijadikan sebagai bidang keusahawanan. Selain daripada membentuk sebuah lagu, teromba juga boleh di sesuaikan dalam bidang seni yang lain seperti teater atau lakonan.

Melalui sektor pelancongan pula, puisi teromba boleh di perkenalkan melalui kelendar cuti-cuti Malaysia dengan itu secara tidak langsung dapat memperkenalkan puisi-puisi teromba kepada masyarakat luar dan tempatan. Selain itu, puisi-puisi teromba juga diceritakan oleh pemandu pelancong kepada pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia sepanjang perjalanan melawat tempat-tempat bersejarah. Sehubungan dengan itu juga, lagu-lagu yang dihasilkan daripada teromba boleh di pasang tempat-tempat bersejarah, secara tidak langsung teromba boleh menjadi tarikan dalam sektor pelancongan.

#### 5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian terhadap teromba sebagai alat kawalan sosial memberi manfaat yang berguna kepada masyarakat kita sekarang. Selain itu, ia mencerminkan bahawa masyarakat dahulu mempunyai pemikiran yang kreatif dan berintelektual yang tinggi terutama masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih. Berdasarkan kajian ini juga, dapat dilihat bahawa, teromba mempunyai nilai-nilai adat, nilai ekonomi, nilai masyarakat dan sebagainya.

Selain itu, penggunaan teromba pada zaman dahulu adalah untuk membina manusia supaya hidup lebih baik dan bertamadun. Sehubungan dengan itu juga, masyarakat Melayu dahulu dapat menyusun peraturan hidup mereka melalui teromba di samping berteraskan agama Islam sebagai pegangan hidup. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dahulu hidup secara bersederhana dan mudah berbanding masyarakat Melayu sekarang yang mempunyai gaya hidup sangat kompleks.

Sebagai kesimpulannya, puisi teromba adalah satu puisi yang boleh dijadikan sebagai alat kawalan sosial dalam kehidupan manusia yang hidup pada zaman dahulu serta zaman sekarang. Hal ini kerana puisi teromba sangat praktikal kerana ia mudah digunakan seperti masyarakat Melayu dahulu hanya menyampaikan serangkap puisi kemudian individu atau sesebuah masyarakat akan mengambil isinya sebagai pengajaran dan didikkan dalam membentuk insan yang berguna. Kemudian diaplikasikan dalam kehidupan seharian mengikut landasan agama.

## Bibliografi

- Abdullah Siddik (1975). *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Adli Hj. Yacob dan Khuzaihan Zakaria (2008). *Kamus Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Crescent New (KL) Snd. Bhd.
- Anas Haji Ahmad (1984). *Satera Melayu Lama Dan Baru*. Kuala Lumpur: Syarikat Cahaya.
- Ariffin Nur (1971). *Kesusasteraan Lama Melayu*. Khota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Aripin Said (1996). *Puisi Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dharmawijaya (1998). *Dunia Puisi Dalam Penelitian Dan Pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Snd. Bhd
- Harun Mat Piah (1997). *Puisi Melayu Tradisional : Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Rosli Saludin (2009). *Teromba Dalam Puisi Melayu Tradisional*. Shah Alam: Karisma Publications Snd. Bhd.
- Mohd Rosli Saludin (2009). *Teromba Hubungan Dengan Pendidikan Kesusasteraan*. Shah Alam: Karisma Publications Snd. Bhd
- Mohd Rosli Saludin (2009). *Teromba Sebagai Alat Komunikasi Dalam Kepimpinan Adat Perpatih*. Shah Alam: Karisma Publications Snd. Bhd.
- Mohd Rosli Saludin (2010). *Teromba Sebagai Wahan Komunikasi Adat Melayu Tradisional*. Shah Alam: Karisma Publications Snd. Bhd.
- Mohd Taib Osman (1975). *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Teuku Iskandar (1994). *Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zalila Sharif, Jamilah Haji Ahmad (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

**Jurnal**

Azizah Hamzah (2011, Mac 5). *Kaedah kualitaif dalam penyelidikan sosio budaya*. Diperoleh Mac 5, 2011, sabtu 3:58pm daripada <http://portalfsss.um.edu.my>

Gatot Subrata, S. Kom (2009, Oktober 9). *Kajian ilmu perpustakaan: Literature primer, sekunder dan tersier*. Diperoleh Mac 8, 2011, Selasa 2:45am daripada <http://library.um.ac.id>

Iyan Afriani H.S (2009, Januari 19). *Metode penelitian kualitatif*. Diperoleh Mac 8, 2011, Selasa 12:54am daripada <http://www.pwnalaran-unm.org>

Yeap Keng Leng (2000). *Kajian kulaitaitf: satu pengenalan*. Diperoleh Mac 5, 2011, sabtu 3:55pm daripada <http://www.reocities.com>

## LAMPIRAN

### *Nilai*

*Hidup dikandung adat,  
Mati dikandung tanah,  
Kata adat banyak hiasan,  
Ditunjuk dia tetapi bukan,  
Bergulung pendek panjang direntang,  
Tak faham tak direnungkan.*

*Usang-usang diperbaharui,  
Lapuk-lapuk dikajangi,  
Yang elok dipakai,  
Yang buruk dibuang,  
Kalau singkat minta disambung,  
Kalau panjang minta dikerat,  
Kalau koyak minta ditampal.*

*Dari nenek turun ke mamak,  
Dari mamak ke kemanakan,  
Patah tumbuh hilang berganti,  
Pusaka begitu juga,  
Adat dipakai baru,  
Kain dipakai using.*

### **Adat dan hukum syarak**

*Adat dipakai syarat dituntut  
Syarat mengata, adat memakai  
Adat bersendi kitabullah  
Kuat adat tak gaduh hokum  
Kuat hokum tak gaduh adat  
Ibu hokum muafakat  
Ibu adat muafakat.  
Persefahaman dan tolong menolong*

*Bulat aiar kerana pembentuk  
Bulat manusia kerana muafakat  
Faham sesuai, benar seukur  
Bulat segolek, pipih selayang*

*Rundingan jangan selisih  
Muafakat jangan bercanggah  
Tuah pada sekata  
Berani pada seia.*

*Berat sama dipikul  
Ringan sama dijinjing  
Yang tidak ada sama dicari  
Sama sakit sama senang  
Ke bukit sama mendaki  
Ke lurah sama menuruni  
Sama mengayun sama melangkah  
Jika khsbar buruk serentak serentak didatangi  
Jika jauh ingat-mengingat  
Jika dekat temi-menemui  
Dapat sama laba  
Hilang sama rugi.*

***Muafakat dan adat (masyarakat)***

*Kelebihan Nabi dengan mu'jizat  
Kelebihan umat dengan muafakat  
Bulat ayer kerana pembentong  
Bulat manusia kerana muafakat.*

*Ayer meluru dengan bender-nya  
Benar melurut dengan muafakatnya  
Negeri bertumboh dengan masyarakat-Nya  
Tatkala kechil bernama muafakat  
Sudah besar bernama adat  
Si-raja adat kepada muafakat  
Muafakat lau didalam gelap  
Adat lalu ditengah terang  
Hilang adat kerana muafakat*



### ***Mendidik anak***

*Kalau hendak mendidik anak  
 Petuah amanah hendaklah simak  
 Mendidik anak sebelum nmpak  
 Memebela anak sebelum berupa  
 Anak dididik sejak kecil  
 Anak diajar sejak terpancar  
 Anak dibela selamanya  
 Dididik pada yang baik  
 Diajar pada yang benar]dibela pada yang mulia  
 Dituntut pada yang santun  
 Ditunjuk pada yang elok  
 Dipelihara pada ygn sempurna  
 Dijaga pada yang berguna  
 Anak dididik pada yang kasih  
 Kasih jangan berlebih-lebihan  
 Kasih berlebihan membutuhkan  
 Anak dibela dengan sempurna  
 Ditunjuk diajar ilmu agama  
 Kepala diisi dengan kaji  
 Dada diisi dengan budi  
 Menurut syarak mengikut sunnah  
 Menurut adat mengikut lembaga*

*Adat mendidik berbaik-baik  
 Adat mengajar bersabar-sabar  
 Adat menuntut bersopan santun  
 Adat membimbing tating menanting  
 Adat nelatih kasih mengasih  
 Adat menunujk berelok-elok.*

MALAYSIA

KELANTAN

***Pemimpin adat***

Menjadi pemimpin menuruti adat  
 Imam kukuh amal pun taat  
 Fikiran jernih hati pun bulat  
 Terhadap nang susah ia berminat  
 Terhadap nang senang tiada menjilat  
 Mana nang jauh ia perdekat  
 Man nang jarang ia perapat

Dijadikan pemimpin sentosa rakyat  
 Dijadikan tau ianya tepat  
 Dijadikan teladan ia bersifat  
 Dijadiakan induk besar manfaat  
 Negeri sentosa umat selamat.

***Bidang kepimpinan***

Ke manakan beraja ke mamak  
 Mamak beraja ke penghulu  
 Penghulu beraja ke nan benar  
 Benar berdiri sendirinya  
 Benar menurut alur nan patut  
 Menurut patut nan mungkin

***Bidang ekonomi***

Ke sawah berbunga emping  
 Ke rimba berbunga kayu  
 Ke sungai berbunga pasir  
 Ke laut berbunga karang  
 Ke tambang berbunga emas  
 Bertanam nan berpucuk  
 Memelihar nan bernyawa  
 Nan lunak ditanan padi  
 Nan keras dibuat padang  
 Nan berair pelapas itik.

***Bidang sosial***

*Berat sama dipikul  
Ringan sama dijinjing  
Nan ada sama dimakan  
Nan tidak sama dicari  
Hati gajah sama dilapah  
Hati tungau sama dicecah  
Nan elok berhimbauan  
Nan buruk berhamburan  
Sakit diziarah, mati berjenguk.*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN